

12

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

9740 359  
KKUMB  
RM24.90

# BAPAKU P. RAMLEE

NASIR P. RAMLEE

Diterbitkan oleh  
**MPH Group Publishing Sdn Bhd**  
1st Floor, Bangunan TH, No. 5 Jalan Bersatu 13/4  
46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia  
email: [mppublishing@mph.com.my](mailto:mppublishing@mph.com.my)

PN2899.8  
P73 Naspr

[mphonline.com](http://mphonline.com)

Hakcipta © 2007 Nasir Ramlee  
Hakcipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluharan atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin daripada pemegang hakcipta.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Nasir P. Ramlee  
Bapaku P. Ramlee / Nasir P. Ramlee  
ISBN 978-983-3698-41-7  
1. P. Ramlee, Tan Sri, 1929-1973. 2. Actors—Malaysia—Biography.  
3. Motion picture producers and directors—Malaysia—Biography.  
4. Singers—Malaysia—Biography. 5. Musicians—Malaysia—Biography.  
I. Judul  
927.14309595

Dicetak oleh

**MPH Group Printing (M) Sdn Bhd**  
27-29-31 Jalan 2/148A  
Taman Sungei Besi Industrial Park  
57100 Kuala Lumpur, Malaysia



PRINTING



Perpustakaan Universiti Malaya

A512947850

**MPH**  
PUBLISHING



Ibu dan bapa saya, Junaidah dan P. Ramlee

## PRAKATA

### Ihham Untuk Menulis Mengenai Bapaku

Telah banyak ditulis tentang P. Ramlee, sama ada oleh sahabat, kenalan, murid dan peminat Allahyarham. Kadang-kadang saya sendiri terpegun dengan apa yang ditulis oleh mereka, kerana ada yang lebih mengetahui tentang bapa saya daripada saya sendiri. Ini tidak mungkin salah, kerana bagi mereka terutama sahabat, rakan karib dan peminat setia tentu akan menceritakan sesuatu yang berdasarkan kebenaran, tetapi ada juga penulis yang agak kurang membuat kajian atau teliti dengan apa yang ditulis mereka, maka itulah sebabnya kadang-kadang terdapat fakta yang mengelirukan. Walau bagaimanapun saya bersyukur kerana masih ramai yang mengingati beliau. Pada mulanya tidak terlintas langsung di hati untuk menulis tentang hubungan antara seorang anak dengan seorang bapa, walaupun hubungan kami sekadar hubungan peribadi. Tetapi setelah didesak dan dinasihatkan oleh beberapa

NASIR P. RAMLEE

orang sahabat ayah saya, maka barulah terbuka hati ini untuk menulis tentang saya dengan bapa saya P. Ramlee.

Saya amat berterima kasih kepada Cikgu Yusnor Ef, bekas guru tuisyen saya semasa di Singapura, dan beliau juga adalah satu-satunya anak murid (anak didik) bapa saya dalam bidang penulisan lakon layar. Cikgu Yusnor telah banyak membantu saya memperkembangkan semula tulisan saya. Isi kandungan buku ini adalah daripada apa yang saya ceritakan kepada beliau dan beliau sering berulang-alik berjumpa saya untuk memastikan yang buku ini ditulis dengan tepat. Saya amat terhutang budi kepada guru saya Yusnor Ef dan kepada Datin Dura yang banyak membantu memperkembangkan buku ini dari segi bahasa.


Menulis tentang seseorang yang telah kembali ke Rahmatullah adalah satu perkara yang amat berat, lebih-lebih lagi Allahyarham adalah bapa kandung saya. Jadi tulisan ini hanya berkisar dari mula saya mengenali bapa saya Ramlee bin Puteh yang membawa nama P. Ramlee, hinggalah ke saat-saat akhir hayatnya. P. Ramlee berkahwin dengan ibu saya Junaidah D. Harris dalam tahun lima puluhan. Ibu saya juga seorang penari dan pelakon tambahan di dalam studio filem Jalan Ampas, sementara datuk saya D. Harris adalah seorang pelawak yang sama hebatnya dengan pelawak A.R. Tompel ketika itu. Sebelum berkahwin dengan Junaidah, bapa saya sering bertolakon bersama D. Harris sebagai pelakon tambahan sahaja.

Saya difahamkan, perkahwinan antara bapa saya bersama Junaidah berlangsung di sebuah rumah di Boon Teck Road, tempat kediaman seniman dan seniwati dari

BAPAKU P. RAMLEE

Studio Jalan Ampas. Ramai yang menghadiri majlis tersebut. Sebenarnya ibu saya ketika itu adalah seorang janda, mempunyai seorang anak lelaki bernama Abdul Rahman yang dipanggil 'Bacok'. Saya tidak dapat mengesani siapakah suami pertama ibu saya. Bapa saya benar-benar mencintai Junaidah dan beliau menjadi isteri pertama P. Ramlee.

NASIR P. RAMLEE



## Kandungan

<i>Prakata</i>	v
Filem Pertama P. Ramlee	1
Kehidupan di Boon Teck Road	3
Kerana Cemburu	3
Gara-gara P. Ramlee bersiul	4
Saya diculik	7
Peristiwa di stesen keretapi	8
Ibu dan bapa saya kahwin lagi	10
Ibuku Junaidah membawa peguam ke Jalan Ampas	11
Hidup baru bersama bapa dan ibu tiri di Singapura	13
Keseronokan di hari minggu	16
Timbul rasa bosan dan kecewa	18
Perceraian berlaku di MacPherson Road	19
Tetamu yang tidak diundang	21
Perkahwinan bapa yang ketiga	25
Pernikahan di rumah makcik Onggek (Musalmah)	26
Kegemaran bapa mengambil anak angkat	29
Berpindah ke Cedar Avenue	31
Guru tuisyen	37
Reaksi cikgu tuisyen	39
Peristiwa 'terkejut hantu' menyebabkan guru tuisyen demam seminggu	41



Saya dalam teater "Hang Li Po"

Pak Yusof B dengan air penawarnya	43
Cikgu tuisyen kedua Cikgu Aziz	44
Keluarga bapa berpindah ke Kuala Lumpur	44
Berangkat ke Kuala Lumpur	45
Di Kuala Lumpur	47
Surat Cinta	48
Tidak mahu bersekolah lagi	50
Sebagai pemandu kereta Saloma	52
Benarkah P. Ramlee seorang bomoh?	53
Kegemaran dan hobi bapa	56
Kugiran Ben Puteh-Lima Merdu	58
Saya sentiasa di dalam kesempitan	61
Rasa kesal dan sedih	62
Peperangan dalam rumah tangga	63
Pijak Badan	64
Bertikam lidah kerana lagu	64
Bapa menangis	65
Belajar nyanyi secara harmoni	66
Kebahagiaan duduk sebumbung	67
Masalah bermula di MacPherson Road	69
Perceraian berlaku di MacPherson Road	72
Bagaimana peristiwa perceraian	73
Bapa tidak berendam	74
Kejutan Peristiwa di Jalan Bunga Kantan-Setapak	75
Rombongan drama dari Singapura	76
Harapkan pagar, pagar makan padi	78
Bertemu semula dengan Normah	80
Sabaruddin dan Zazaloma	82
Betul atau tidak	85
Jejak Kasih	85
Isteri dan anak-anak saya	87
Bapak cemas dan gembira	88
Zaman kekecewaan bapa	91
Nasihat bapa mengenai majung	92

Satu Kejutan	94
Air Mata di Kuala Lumpur	99
Kesugulan, Keibaan dan Keanehan Saloma (Setelah P. Ramlee pergi buat selama-lamanya)	102
Rumah Bapa	103
Hidup saya setelah bapa pergi	107
Kenangan abadi	107
Nasib Tuah Mendatang	109
Satu Pengumuman Yang Menyentuh Rasa	111
Majlis Rasmi di Istana Negara	111
Hajat Tak Sampai	116
Mengenai Royalti	117
Anak P. Ramlee Perlu Bersatu	117
Hai Saya Terguris	117
Penghargaan Kepada Pos Malaysia	118
Terima kasih yang tidak terkira di atas budi dan jasmu	121
Akhir Kata	122



Nasir P. Ramlee

## Bapaku P. Ramlee

### Filem Pertama P. Ramlee

Filem *Bakti* arahan Dato' L. Krishnan adalah merupakan filem pertama bapa saya diberi peranan 'hero' bersama S. Romai Noor dan Kasimah Booty.

Dalam filem ini bapa saya diberi nama Nasir. Mengikut apa yang diceritakan, nama saya Nasir adalah bersempena dengan namanya di dalam filem *Bakti*. Perkara ini kemudiannya menjadi satu amalan kepadanya. Beliau memberi nama kepada anak-anaknya dengan nama-nama yang terdapat di dalam filem sama ada filem arahnya ataupun filem yang dilakonkannya. Antaranya nama kedua-dua adik angkat saya. Seorang bernama Sazali, bersempena dengan filem lakonannya *Anakku Sazali*. Sementara seorang lagi adik angkat saya ialah Sabaruddin bersempena dengan filemnya *Sabaruddin Tukang Kasut*. Dalam filem *Anakku Sazali*, beliau telah dianugerahkan



**"Adakah P. Ramlee bermaksud supaya Nassir mengikut jejak dia?"**  
**"Oh...saya mau Nassir sendiri menentukan kechenderungannya!"**

BAPAKU P. RAMLEE

Pelakon Lelaki Terbaik di dalam Pesta Filem Asia Tenggara (Best Actor South East Asia Film Festival).

### **Kehidupan di Boon Teck Road**

Semasa kecil saya bersama ibu dan ayah tinggal di Boon Teck Road. Ia adalah satu kawasan perumahan bintang-bintang flem yang disediakan oleh majikan. Ketika itu saya masih kecil dan tidak tahu apa yang berlaku di sekeliling saya dan tidak ambil pusing langsung mengenai siapa yang tinggal di situ. Kemudian saya di fahamkan antara bintang-bintang flem temana yang tinggal di situ ialah S. Roomai Noor, Siput Sarawak dan Kasnah Booty.

Saya dapat menceritakan kisah-kisah yang berlaku semasa kecil di Boon Teck Road, hanya dengan mendengar cerita-cerita daripada teman-teman bapa saya setelah saya dewasa. Jadi kesahihan ceritanya adalah bersandarkan kepada penceritaan mereka, kerana ada diantara mereka yang pernah menjaga dan memelihara saya semasa kecil.

### **Kerana Cemburu**

Hidup saya bersama bapa dan ibu tidaklah sentiasa aman, sering sahaja terjadi pergaduhan antara mereka. Pergaduhan ini kerap berlaku kerana sifat cemburu ibu saya Junaidah. Mungkin kerana ayah saya semakin popular dan mempunyai ramai peminat dan sering diburu oleh gadis-gadis yang tergila-gilakannya, membuatkan ibu saya

merasa terpeencil dan kluatir dengan populariti ayah saya. Maklumlah ibu saya hanyalah pelakon tambahan dan seorang penari di studio Jalan Ampas sahaja. Apabila kami bersiar-siar, bapa saya sering mendapat perhatian daripada ramai peminat, sedangkan ibu pula terasa yang beliau tersisih. Sayalah yang sering menjadi mangsa di dalam pergaduhan itu. Bapa saya mempunyai satu tabiat yang luar biasa, apabila bergaduh dengan ibu, dia akan meninggalkan rumah dan bersiar-siar untuk melepaskan kesedihannya. Jadi ibu saya akan melepaskan geramnya terhadap saya. Ibu akan mengurung dan memukul saya di dalam tandas. Saya hanya dilepaskan setelah bapa pulang dan membuka pintu tandas. Beliau kemudian akan membawa saya ke rumah Ahmad C, seorang pelakon komedi dan penyanyi asal kumpulan Panca Sitara. Kemudian bapa saya akan pulang dan menyambung semula pertengkarnya.

### **Gara-gara P. Ramlee bersiul**

Ada satu peristiwa yang tidak dapat saya lupakan semasa bapa saya pulang dari studio untuk makan tengahari. Ketika beliau masuk ke rumah wajahnya riang sambil bersiul-siul. Bila ibu saya Junaidah terdengar siulan dan melihat keriangannya bapa, dengan serta merta ibu saya menjadi sangsi dan mula menyindir bapa saya dengan berkata "Ah! ini tentu dah jumpa girlfriendsi!" Bapa tidak menjawab hanya memandang dengan serius. Di sinilah bermulanya rasa cemburu ibu saya. Sebaliknya jika bapa saya pulang dengan wajah yang sedih, ibu saya masih lagi menyakat dengan

katanya, "Ah, hari ini tak dapat jumpa girlfriendsi agaknya." Beginilah yang sering berlaku, bapa saya sentiasa berada di dalam keadaan yang serba salah.

Sifat cemburu ibu saya memang diketahui oleh ramai teman-teman yang tinggal di Boon Teck Road. Menurut cerita Pak Cik Kassim Masdor yang begitu rapat dengan bapa, apabila semua yang tinggal di Boon Teck Road dipindahkan ke sebuah rumah banglo di Katong, bapa saya sering keluar bersiar-siar di tepi laut. Ketika inilah ibu saya akan meminta Pakcik Kassim yang masih muda ketika itu mengekori bapa saya dan Pakcik Kassim terpaksa membuat lapuran kepada ibu saya samada suaminya di tepi laut bersendirian atau dengan teman wanita. Sifat cemburunya sampai ke tahap yang agak keterlaluan.

Oleh kerana itulah maka berlaku perpisahan sementara, dan kalau boleh dijadikan bukti, terdapat sebuah lagu ciptaan bapa saya berjudul "Hujan Di Tengah Hari" yang senikatanya ditulis oleh H.M. Rohaizad. Lagu ini kalau diteliti liriknya, jelas menunjukkan bagaimana perasaan bapa saya dan harapannya agar rumah tangganya tidak runtuh. Lagu ini dimuatkan di dalam filem *Perjodohan*. Cuba teliti senikatanya yang saya perturunkan di sini:

### **Hujan di Tengah Hari**

*Sedih rasanya hati di dalam*

*Mengenangkan peristiwa masa yang telah silam*

*Di mana aku hidup bersama si dia*

*Tak pernah rasa aman bahagia*



*Perselisihan sering terjadi*

*Walaupun jauh dari nyata dan juga buktii*

*Namun begitu dia selalu terbakar*

*Tegak melulu menurut nafsu*

*Andainya dia dapat mengubah*

*Tetapka terima*

*Mendirikan mahlgai ria*

*Tapi tak berdaya*

*Kusangka panas hingga ke pelang*

*Rupanya hujan di tengah hari*

Itulah lagu yang besar kemungkinan dicipta setelah berlakunya perpisahan antara ibu dan bapa saya. Perceraian yang begitu pahit telah dirasakan oleh bapa saya, dan oleh kerana saya adalah anak tunggalnya, maka berlaku pula pergeseran mengenai hak penjagaan saya. Oleh kerana bapa saya berpegang kuat kepada prinsipnya, maka dia berjaya mendapatkan anaknya Nasir untuk bersamanya.

Setelah bercerai, ibu saya mengikut rombongan bangsawan menjelajah ke seluruh Tanah Melayu, sedangkan bapa saya sibuk dengan kerjanya, maka kadang-kadang saya terpaksa dibawa ke lokasi penggambaran. Antara mereka yang sering bergilir-gilir menjaga saya ialah Ahmad C, Kassim Masdor dan Aziz Satar, juga beberapa orang artis lain yang sentiasa memberi saya perhatian.

Sementara itu saya pula, setelah tamat berkerja dengan rombongan bangsawan, beliau pulang ke Jakarta mengikut bapanya yang juga datuk saya D. Harris. Bapa saya menjadi

duda dan namanya semakin meningkat dan popularitinya juga semakin terserlah. Bapa saya telah banyak mencipta lagu serta berlakon dalam banyak filem. Pendek kata pengarah-pengarah India ketika itu berebut-rebut mengambil bapa saya berlakon, kerana setiap filem yang dilakonkannya akan mendapat pungutan "box office."

**Saya diculik**

Sebagaimana yang diketahui umum, bapa saya telah terikat dengan seorang gadis keturunan Arab. Saya hanya mengetahuinya melalui cerita dari kawan-kawan bapa saya. Namanya Hamidah, dan saya sendiri tidak mengambil tahu tentang kisah cintanya dengan Hamidah dan tidak pernah sekalipun menemui Hamidah.

Setelah beberapa bulan perceraian berlaku di antara bapa dan ibu, akhirnya pada suatu waktu ibu saya datang dari Jakarta ke Boon Teck Road untuk menuntut saya dari bapa. Dia hendak membawa saya pulang bersamanya ke Jakarta, atas alasan anak lelaki adalah menjadi hak kepada ibu kandung.

Ketika itu bapa saya bertambah gelisah dan kebingungan. Dia tidak tahu apa yang harus dilakukannya, mujurlah dengan pertolongan sahabatnya Pak Cik Salleh Kamil, maka bapa terus mengirim telegram ke Pulau Pinang meminta abang tirinya Pak Shek (Nama sebenarnya Sheikh Ali) supaya datang ke Singapura. Keesokan harinya Pak Cik saya Sheikh Ali tiba dari Pulau Pinang. Kedatangannya

memang dinantikan oleh bapa saya. Dia merasa lega sedikit. Setelah mereka berbincang akhirnya, dengan secara senyap-senyap dan tidak diketahui oleh sesiapa, kecuali Pak Cik Salleh Kamil, mereka membuat keputusan 'menculik' saya untuk terus dibawa ke Pulau Pinang. Entah bagaimana, ibu saya mendapat tahu mengenai perkara itu dan keadaan menjadi semakin cemas dan tuncing.

### Peristiwa di stesen keretapi

Kami sampai di stesen keretapi Tanjung Pagar pada waktu malam. Alangkah terkejutnya kami apabila kami dapati ibu saya Junaidah sudah lebih dahulu sampai ke situ. Ayah saya semakin panik, dan saya terpaksa disembunyikan.

Akhirnya dengan tidak membuang masa, pakcik saya Sheikh Ali menyembunyikan saya di bahagian tempat meletak bag. Tempat ini hampir menyentuh bumbung keretapi. Saya mendengar suara pertengkaran antara ibu dan bapa. Ibu saya tergesa-gesa menaiki keretapi yang belum bertolak itu, mencari saya.

Agak lama juga ibu mencari-cari saya tetapi tidak bertemu. Saya berasa semakin takut. Akhirnya isyarat berbunyi menandakan keretapi akan bertolak. Dari saat itulah saya terpisah dengan ibu kandung saya. Setelah saya dewasa, saya dapat tahu yang ibu pernah berjani akan berusaha dan tidak akan berputus asa untuk mencari saya. Akhirnya saya tinggal di Pulau Pinang bersama nenek saya (Cik Mah) dan Pakcik Sheikh Ali.



Bapa saya bersama mami Noorizan

Saya tidak lama tinggal di Pulau Pinang, dan boleh dikatakan setiap bulan nenek, Pakcik dan saya ke Singapura menemui bapa. Ibu saya sudah terpisah jauh membawa diri ke Jakarta. Kelakuan saya semasa bersekolah di Pulau Pinang tidaklah begitu baik. Saya gagal dalam peperiksaan. Nenek saya bertambah khuatir. Akhirnya dia mengambil keputusan untuk menghantar saya pulang ke Singapura.

### **Ibu dan bapa saya kahwin lagi**

Apa yang saya ketahui, ibu saya telah pun berkahwin dengan seorang yang juga berkecimpung di dalam industri muzik dan filem. Suaminya yang baru itu bernama Harris, seorang pengarah dan pencipta lagu. Kalau tidak silap satu daripada lagu ciptaannya ialah "Kudaku Lari" sementara ayah saya pula setelah sekian lama membujang, akhirnya berkahwin dengan seorang bekas kerabat diraja Perak ibu Noorizan. Setelah berpindah semula ke Singapura, saya tinggal bersama bapa dan ibu tiri saya, Noorizan.

Ketika saya berusia enam tahun, barulah saya sedar dan mengerti dengan hakikat bahawa ayah saya adalah seorang artis besar yang diminati ramai. Saya mula merasa beruntung dan bertuah kerana menjadi anak tunggal P. Ramlee.

### **Ibukku Junaidah membawa peguam ke Jalan Ampas**

Pada suatu hari di sebelah tengah hari, bapa pulang dari studio. Pada kali ini kepulangannya agak ganjil. Kebetulan nenek dan saya berada di Singapura. Bapa berdiam diri dan nampak air mukanya kelihatan muram. Memang ada sesuatu yang difikirkannya. Nenek terus bertanya kerana ingin tahu apakah yang menyebabkan ayah kelihatan runsing. Dengan tegas bapa menjawab, "Jun berada di studio bersama seorang peguam untuk mengambil Nasir." Nenek berdiam diri dan turut bersimpati dengan bapa. Pak Cik saya Sheikh Ali dan ibu tiri saya juga diam penuh simpati. Saya hanya menangis, kerana tidak mahu berpisah dengan ayah dan ibu tiri saya. Saya bertambah takut, kerana saya tidak begitu mesra dan rapat dengan ibu kandung saya Junaidah. Keadaan itu tidak dapat dielakkan kerana perpisahan antara bapa dan ibu terjadi semasa saya terlalu kecil dan saya langsung tidak berkesempatan mengenali ibu. Saya tidak dapat membayangkan bagaimana kalau saya dibawa ke Indonesia. Saya tidak mempunyai sesiapa di sana dan tentu sekali suasananya agak bertlainan. Hati saya semakin sedih bercampur takut. Saya memeluk nenek saya, dan nenek cuba mententeramkan saya, sambil memeluk saya, sempat dia memujuk agar jangan takut dan jangan menangis, semuanya adalah takdir, katanya.

Ayah saya berdiri dihadapan ibunya dan berkata, "Kalau ini semua adalah takdir, maka dengan rela hati Ram lepaskan Nasir, Ram tidak akan melawan takdir." Walaupun ketika itu saya masih kecil, tetapi saya masih ingat dan terbayang suasana sedih bercampur takut.

Akhirnya saya dibawa oleh ayah ke Jalan Ampas. Dengan menaiki keretanya yang dipandunya sendiri, kami terus ke studio. Di dalam kereta bapa bertanya saya, "Kalau orang tu tanya, Nasir nak ikut Jun atau bapa, Nasir nak jawab apa?" Saya jawab, "Tak tahu, tapi saya tak mahu ikut Jun." Bapa tersenyum puas. Apabila kereta sampai di persimpangan Jalan Ampas di Balestier Road, bapa memberhentikan keretanya. Kami keluar dan bapa memimpin tangan saya membawa ke studio Jalan Ampas. Kata-kata bapa itu diulang berkali-kali sehingga sampai di sebuah kedai kopi berhadapan dengan studio No 8. (Mungkin kedai kopi Lam atau kedai kopi Siput saya tak ingat).

Setibanya di kedai itu, ayah terus masuk ke pintu studio. Saya ditinggalkan di kedai kopi itu. Dengan tidak disangka-sangka rupanya ibu saya Junaidah memang sudah menanti kedatangan saya. Dengan pantas dia memeluk dan terus menangis, sambil dia memperkenalkan dirinya dengan berkata, "Ini emak, emak kandung kau sendiri Junaidah. Emak sangat rindu pada kau." Hati saya tidak dapat menerima ketika itu, kerana saya tidak pernah berpeluang, mengenali dan mendampingiya.

Saya lihat seorang berbangsa India ada bersama, dan saya diajukan soalan yang sama dengan apa yang ayah sebutkan sebelumnya. Saya tetap dengan jawapan yang saya berikan kepada ayah. Saya tidak mahu ikut ibu. Setelah berkali-kali dipujuk ibu dan peguam India itu, saya tetap dengan pendirian saya. Akhirnya mereka gagal untuk mendapatkan persetujuan saya. Ramai yang menyaksikan kejadian itu.

Akhirnya saya meminta diri untuk pergi bertemu ayah di dalam studio. Ibu dan peguam serta beberapa orang di situ hanya memandang ke arah saya. Air mata ibu kelihatan berlinang dan dia tidak dapat menahan sebak hatinya. Saya dibawa oleh seorang Benggali penjaga studio menuju ke bilik ayah. Dia sedang menanti kedatangan saya. Bermula dari saat itulah, ibu saya Junaidah tidak lagi datang untuk bertemu atau mahu mengambil saya, dan saya berasa lega dapat hidup seperti biasa dan kembali ke Pulau Pinang. Tidak lama selepas itu, saya berpindah balik ke Singapura dan hidup bersama ayah dan ibu tiri saya. Saya sedikitpun tidak merasa kesal atau terkilan, kerana usia saya masih muda dan belum kenal erti hidup sebenarnya.

#### **Hidup baru bersama bapa dan ibu tiri di Singapura**

Setelah saya dibawa pulang ke Singapura, dan setelah peristiwa bersama ibu di studio Jalan Ampas berlalu, kami tinggal di sebuah rumah kepunyaan Shaw Brothers di Yarrow Garden berdekatan dengan Jalan Siglap. Ketika itu hidup kami agak istimewa, kerana ibu tiri saya Noorizan adalah seorang yang kuat disiplinnya. Ini mungkin kerana beliau sudah terlatih ketika di dalam istana. Kami dimanja, tetapi manja yang bertempat. Bapa saya dilayan seperti seorang raja. Hidupnya diberi perhatian secukupnya, mungkin inilah pertama kali bapa saya merasakan kebahagiaan sebenar hidup sebagai suami isteri.

Saya masih ingat sebuah kereta Holden yang dipandu oleh orang tua bernama Wak Kimin. Kalau tak salah saya,

Wak Kimin adalah bapa mertua pelakon veteran Omar Suwita. Wak Kimin setiap pagi akan menghantar bapa saya ke studio, dan jika bapa tidak membuat penggambaran di sebelah malam, maka Wak Kimin akan membawanya pulang. Boleh dikatakan waktu bekerja untuk bapa sentiasa terjaga dan ibu tiri saya tidak akan membiarkan bapa saya bersembang-sembang kosong di studio. Kadang-kadang saya dapat merasakan apa yang bapa rasakan. Dia mungkin merasakan seolah-olah terkongkong. Sebenarnya itu adalah satu disiplin yang baik, kerana ibu tiri saya meletakkan bapa saya setaraf dengan kemasyhuran namanya.

Saya adalah anak kandung P. Ramlee, dan saya tidak mempunyai adik-beradik, walaupun ada cerita mengatakan yang saya ada seorang abang atau adik (saya tak pasti) yang berada bersama ibu di Jakarta. Bapa sendiri tidak pernah menceritakan perkara ini semua kepada saya. Saya beranggapan, kalau sekiranya perkara itu benar tentu perkara ini akan diketahui sebelum bapa saya meninggal dunia. Walau bagaimanapun, hanya Allah sahajalah yang Maha Mengetahui.

Kami tinggal sekeluarga dengan aman dan ceria, kami ditemani oleh seorang pembantu rumah yang berasal dari Terengganu, kami memanggilnya dengan panggilan "Ngeh". Beliaulah yang menjaga kami, menolong memasak, pergi pasar dan mengemas rumah.

Satu perkara yang tidak menyeronokkan saya di rumah itu ialah saya dilayan seperti saya seolah-olah hidup di dalam istana. Semuanya mengikut peraturan dan undang-undang (seperti mana dalam filem bapa saya *Tiga*

*Abdul*). Pertama sekali saya tidak boleh berbuat sesuka hati, semuanya mesti meminta izin daripada ibu tiri Noorizan. Setelah pulang dari sekolah saya dan adik-adik tidak dibenarkan keluar berkeliraran di jalanraya. Saya dan adik-beradik yang lain juga tidak dibenarkan mengganggu bapa ketika makan, semasa dia membaca surat khabar, dan lebih-lebih lagi ketika dia sedang berehat dengan isterinya. Apabila sampai waktu makan, saya ditugaskan menyusun garpu dan sudu di atas meja. Setelah selesai, saya dan yang lain akan duduk di bilik sehingga bapa dan ibu tiri selesai makan barulah kami dipanggil keluar untuk makan.

Setiap hari minggu, kerja saya akan bertambah, semua pokok-pokok bunga yang ditanam harus disiram, dan najis-najis kucing juga terpaksa saya membersihkannya. Perhiasan rumah terutama yang dibuat daripada tembaga, akan disuruh gosok atau digilap sehingga berkilat. Setelah semua kerja-kerja telah beres, maka barulah saya diajak oleh Noorizan mengikutnya ke pasar.

Sekembali dari pasar, ada lagi kerja yang akan saya buat. Jika dibeli taugeh dan petai, maka tugas sayalah yang memetik taugeh dan mengupek petai. Begitulah kerja-kerja "routine" atau kerja seharian yang diberikan kepada saya.

Saya mempunyai lima pasang baju sekolah (uniform), lima pasang seluar, lima pasang stokin dan lima pasang kasut sekolah. Saya pun tidak tahu mengapa saya mempunyai hanya lima pasang bagi setiap item itu. Semua pakaian saya itu saya sendiri yang akan membasuh dan menggosoknya, walau pun kami mempunyai orang gaji.

Selepas pulang dari sekolah, saya akan makan tengahari, kemudian berehat sebentar dan terus tidur. Saya akan dikejutkan tepat jam empat petang, untuk minum petang dan kemudian saya dibenarkan ke padang untuk bermain sebentar bersama kawan-kawan di sekeliling.

Kira-kira jam lima petang, harus pulang ke rumah untuk menyiram pokok bunga. Selepas maghrib seorang ustaz akan datang mengajar kami mengaji, dan sebelah malam pula saya terpaksa mengulang kaji pelajaran sekolah. Tepat jam sembilan malam kami harus masuk tidur dan lampu bilikpun dipadamkan. Begitulah kehidupan saya seharian bersama ibu tiri saya Noorizan.

### Keseronokan di hari minggu

Satu perkara yang paling saya gemari ialah pada hari minggu, kerana pada hari itulah kami semua akan berkumpul sekeluarga, dan dibenarkan membuat aduan apa sahaja kepada bapa saya mengenai ibu tiri saya. Pernah saya memberitahu kepada bapa tentang sikap ibu tiri yang terlalu garang, tetapi bapa hanya memandang ke arah saya dengan tersenyum, "Senyum ada makna tu cik."

Bapa saya hanya memberitahu kepada ibu tiri saya, "You boleh pukul, asalkan jangan bebekas sudah, kalau dia orang ini tak dengar, cakap you, bantai saja!" Kadang-kadang bapa saya juga naik angin. Apabila angin dia datang, dia akan memarahi ibu tiri saya. Akibatnya apabila keesokan harinya, sayalah yang akan menerima

padahnya, saya akan dibelasah Noorizan, kerana saya mengadu kepada bapa saya.

Satu lagi perkara yang tidak dapat saya lupakan mengenai hari minggu ialah, kedatangan seorang benggali yang berlakon di dalam banyak filem arahan bapa, seperti *Pendekar Bujang Lapuk* (orang yang dihumban ke dalam laut), dan di dalam filem *Seminan Bujang Lapuk* (yang menjadi jaga di pintu masuk studio). Dia datang setiap hari minggu untuk mengurur badan bapa. Saya sangat gembira apabila Mr Singh datang, kerana dia selalu membawa buah tangan, buah-buahan dan kadang-kadang coklat. Mr Singh ini kemudiannya menjadi antara teman rapat bapa. Di antara dialog yang pernah diucapkan dalam filem-filem bapa saya yang tidak dapat saya lupakan ialah "Apa kita batukah, kayukah, sikit hormat pun tak ada, panggil orang 'Oi! Oi!'" dan, "Tu nasib Lu makan. Dia nasib dia makan, apa salah makan sama-sama."

Ada juga kadang-kadang Pak Cik Kassim Masdor datang menulis nota muzik bersama bapa saya, dan bila ada kesempatan saya bertanya-tanya secara rambang tentang nota muzik daripada Pak Cik Kassim Masdor. Dan jika tidak ada apa-apa kerja lain, kami akan keluar menonton wayang gambar di panggung Sky ataupun Rex.

Hari minggu juga biasanya saya dan bapa akan menimbang berat badan kami. Kadang-kadang tukang jahit bapa saya bernama Mr Kwong Mung Heng akan datang ke rumah. Kedainya terletak di Tanjung Katong Road berhadapan Sekolah Perempuan Tanjung Katong. Mr Kwong akan membawa berbagai-bagai jenis kain untuk

baju dan seluar. Dia akan mengambil ukuran badan bapa saya. Kain-kain yang dibawanya adalah dari jenis kain yang terbaru. Saya juga pernah diberi peluang oleh ibu tiri, ketika 'moodnya' baik, untuk menempah baju dan seluar.

Mr Kwong ini memang "business minded" orangnya, kerana dia tahu populariti dan kehebatan bapa saya. Dia tahu orang Melayu dan bukan Melayu meminati P. Ramlee. Kerana itulah dia mengambil kesempatan menggunakan gambar bapa saya yang berpakaian satu sut untuk di pameran di dalam cermin di hadapan kedainya. Dia juga turut mencetak gambar itu di luar "bag" (bag cover) untuk kedai jahitnya. Bapa saya tidak dibayar apa-apa. Dia rela membenarkan Mr Kwong menggunakan gambarnya. Begitu juga dengan syarikat rokok "Lucky Strike". Pihak pengedar hanya memberi sekatan dua secara percuma, kerana bapa sentiasa menghisap rokok kegemarannya (Lucky Strike) sama ada di luar atau di dalam filem arahnya.

Saya percaya kalau semuanya ini berlaku pada hari ini, tentu bapa saya akan menjadi kaya dengan wang iklan atau "Advertisement fees" tapi apakah daya "lain hulu, lain parang, lain dahulu, lain pula sekarang".

### **Timbul rasa bosan dan kecewa**

Hari demi hari saya mula merasa bosan, dan saya mengangap seolah-olah ibu tiri saya cuba bertindak sebagai ibu tiri yang sebenar kerana dia mungkin merasakan

yang saya adalah anak tiri yang tidak harus diberi muka atau dimanja. Hati saya bertambah gundah, sesekali terasa juga ingin menceritakan perkara ini kepada bapa, tetapi rasa takut menebal di hati. Di saat-saat akhir sebelum ibu tiri bercerai dengan bapa saya, barulah saya sedar yang perbuatan ibu tiri saya itu bukanlah satu penyeksaan, tetapi itu adalah melatih disiplin diri. Mungkin kerana dia sudah terlatih dan biasa dengan keadaan hidupnya bersama Tuanku Raja Perak. Jadi tidak patutlah saya merasa tertekan ataupun teraniaya, kerana dengan cara disiplin yang dilatihnya itu, maka kami sekurang-kurangnya menjadi anak yang taat dan berdisiplin. Ini adalah satu pengajaran yang baik yang belum pernah saya lalui sebelumnya. Tetapi segala yang indah nampaknya tidak berkekalan. Inilah lumrah alam dan kehendak Allah, tiada sesiapa yang dapat menentang kalau takdir sudah menentukannya.

### **Perceraian berlaku di MacPherson Road**

Noorizan berkahwin dengan bapa saya kerana cintanya yang tidak dapat disembunyikan, sementara bapa saya pula menerimanya kerana beliau sedang kehausan cinta, dan beranggapan perkahwinan ini akan berkekalan. Noorizan adalah bekas wanita yang terlatih dengan adat sopan keluarga diraja, mungkin kerana ini bapa saya menganggap yang Noorizan adalah wanita yang akan setia kepadanya untuk selama-lamanya.

Kami berpindah dari Yarrow Garden Siglap, ke rumah yang baru di MacPherson Road. Di rumah ini, bapa saya

semakin terasa yang dirinya seolah-olah terkongkong. Noorizan bertindak di luar keselesaan bapa saya. Mungkin niatnya baik untuk menjaga "status" bapa saya sebagai seorang seniman agung, hingga dia lupa yang seniman juga perlukan kebebasan. Seniman perlu "idea" yang bebas dan seniman juga tidak boleh dikongkong hingga merosakkan daya pemikiran.

Jodoh dan maut adalah di tangan Tuhan, tidak siapa yang dapat menghalangnya. Begitulah apa yang berlaku di antara bapa saya dan Noorizan. Keretakan rumah tangga bapa saya sedikit demi sedikit menjadi bertambah besar sejak dia pulang dari satu festival filem yang berlangsung di luar negeri. Suasana dan keadaan rumah kami sudah tidak terurus, berbagai-bagai tuduhan berlaku. Kami anak-anak tidak turut campur, dan saya dapat melihat bagaimana bapa saya mula tidur bersendirian, kadang-kadang di bawah dan kadang-kadang di atas. Mereka tidak bercakap semesta dahulu. Harapan bapa saya akhirnya hancur berkecai setelah berlaku perkara-perkara yang di luar dugaan. Bapa saya masih bertenang dan menjalankan tugas hariannya dengan tersenyum walaupun jiwanya menangis.

Saya pernah mendengar kononnya Noorizan cemburukan P. Ramlee dengan Saloma kerana Saloma sering berganding suara dengan bapa saya ketika rakaman. Saya tidak tahu setakat mana kebenarannya atau adakah ia sengaja diada-adakan. Saya dapat mengagak, mungkin bapa saya menanti kata-kata akhir dari Noorizan, "Ceraikanlah F". Saat itu akhirnya berlaku juga apabila Noorizan melafazkan kata-kata itu di hadapan bapa saya, dan bapa saya terus mengambil keputusan menceraikan Noorizan

dengan rela hati. Walaupun sudah bercerai, namun mereka masih bercakap menerusi telefon, malah setelah kami berpindah ke Kuala Lumpur, bapa sanggup memberi peranan kepada Noorizan berlakon sebagai permaisuri Pasir Berdengong di dalam filem *Laksamana Do Re Mi*, arahnya yang terakhir sebelum dia meninggal dunia. Itu juga mungkin merupakan satu pertemuan yang terakhir di antara mereka.


Rumah di MacPherson Road itu telah menjadi agak tidak tenteram, dan tidak terurus seperti dahulu. Saya juga kini agak bebas dan tidak lagi perlu membuat kerja seperti dahulu. Apa sahaja yang saya pinta dari bapa, saya akan dapat, lebih-lebih lagi wang saku sekolah. Pembantu kami abang Ngah masih bertugas sepenuhnya, dan bapa saya meletakkan sepenuh kepercayaan kepadanya untuk menguruskan rumah dan anak-anak.

### **Tetamu yang tidak diundang**

Setelah bapa saya bercerai dengan Noorizan, dia semakin ligat dengan kerja-kerjanya dan sering pulang lewat malam. Setelah "shooting", dia masih boleh bersembang dan berseronok-seronok dengan krew unitnya dan kadang-kadang berlatih dengan kumpulannya, Panca Sitara. Kami di rumah juga menjadi semakin bebas, seperti kata peribahasa "Kucing tiada, tikus bermaharajalela."

Saya pernah juga terdengar kononnya bapa saya sering bersama Saloma, tetapi saya tidak kenal betul dengan





Keluarga besar P. Ramlee. Berdiri di sebelah belakang, dari kiri: Betty, Normah, Yusnor Efbersebelahan Cikgu Aziz (dua guru tuisyen anak-anak P. Ramlee), dan abang Ngah (pembantu rumah). Berdiri di depan, dari kiri: Sazali, Ahmad Rejab (duduk), Hussein, Kak Joyah (duduk) memegang Zazaloma, Armali dan saya



Keluarga P. Ramlee. Dari kiri (berdiri): Ibu Saloma dan Kak Joyah. (Duduk): Ahmad Rejab, Yusnor Ef, Zazaloma didukung oleh Haslinda, dan Ramli kecil. (Duduk di depan, dari kiri): Sazali, Normah, Dian, Rosita dan saya

Saloma, cuma kadang-kadang apabila kami diajak menonton "preview" di studio, temampak Saloma. Dia hanya senyum biasa kepada saya.

Pada suatu hari sedang saya bermain-main di ruang tamu, pembantu rumah abang Ngah memanggil saya, kerana ada seseorang yang ingin bertemu dengan saya. Saya terus keluar dan temampak sebuah kereta "sport" berhenti di hadapan pintu pagar rumah. Seorang wanita keluar dan terus melambai memanggil saya. Saya agak hairan dan tidak terfikir wanita itu adalah Saloma. Saya terus menuju ke keretanya dan dia menyebut nama saya, "Ini Nasirkan?" dan saya menganggukkan kepala. Wanita itu menyuruh saya menukar pakaian dan mengikutnya. Saya agak 'panik' kerana saya tidak kenal betul dengannya. Bapa saya tidak ada di rumah, dan saya harus meminta izinya dahulu.

Saya memberitahunya, "Maaf makcik, saya tak boleh pergi kerana bapa tak ada rumah, nanti dia marah." Saloma menjawab, "Jangan takut, makcik dah beritahu bapa kamu tadi." Abang Ngah pula menyuruh saya agar segera menukar pakaian dan mengikut saja makcik tersebut. Abang Ngah memberitahu bahawa makcik itu ialah Saloma yang selalu menyanyi bersama bapa saya. Sebenarnya saya sudah dapat mengagak bahawa makcik itu adalah Saloma, cuma saya berpura-pura tidak mengenalinya. Saya juga faham dengan tujuan sebenar makcik Saloma yang kini mula berusaha mendekati saya dan memancing hati saya agar dapat menerimanya sebagai bakal ibu tiri saya yang kedua kelak. Namun akhirnya saya pun bersetuju untuk mengikut Saloma keluar.

Saloma membawa saya bersiar-siar ke lapangan terbang Paya Lebar. Dia meneruskan perjalanannya ke tepi pantai Changi, dan terus ke kawasan Bedok. Kemudian, entah ke mana lagi saya dah lupa. Di dalam kereta dia sering bertanya bagaimana perasaan saya sekarang hidup tanpa emak tiri sambil menuji-muji bapa saya. Dalam hati saya berkata, "Makcik ni ada udang di sebalik batu." Saya hanya ketawa dan mengiakkan saja kata-katanya. Kira-kira hampir sejam setengah kami bersiar-siar, akhirnya dia menghantar saya pulang ke rumah di MacPherson Road.

Pada malam itu saya menceritakan kepada bapa segala-galanya yang terjadi dan bagaimana makcik Saloma datang membawa saya bersiar-siar. Bapa saya hanya tersenyum dan bertanya pada saya, "Kau suka makcik tu?" Saya tidak menjawab dan hanya berdiam diri sahaja. Dalam hati kecil saya berkata, "Tentu ada apa-apa, kalau tidak takkan bapa bertanya demikian". Saya berdoa pada malam itu supaya bapa saya tidak berkahwin dengan makcik itu demi kebaikan kami sekeluarga. Saya takut untuk beribu tiri sekali lagi dan saya juga sayangkan bapa dan benar-benar bimbang sekiranya ia satu keputusan yang kurang wajar dan kelak akan menyebabkan bapa saya kecewa lagi.

### **Perkahwinan bapa yang ketiga**

Makcik Saloma sering datang ke rumah, dan saya selalu saja dibawanya berjalan ke sana sini. Kadang-kadang saya agak rimas, kerana terpaksa mengikut kemahuannya, kalau tidak, saya kluatir dia akan memberitahu bapa. Saya sering

dibelikan baju, pelbagai jenis mainan dan begitu juga dengan adik-beradik saya yang lainnya. Saya tahu ini semua bertujuan untuk mengambil hati. Tetapi saya masih dengan pendirian saya, tidak mahu bapa berkahwin lagi. Apabila dia menceritakan tentang makcik Saloma dan bercakap berkenaan rancangan beliau untuk berkahwin lagi, saya akan berasa sedih dan kadang-kadang menangis.

Walaupun bagaimanapun, sebagai seorang anak yang masih kecil dan tidak faham dengan perjalanan hidup, saya tidak dapat berbuat apa-apa, hanya berdoa agar bapa saya tidak melangsungkan rancangannya untuk berkahwin. Namun takdir Allah sudah menentukannya dan lagi pun saya tidak berhak menahan bapa daripada berkahwin lagi. Apa yang menjadi tanda tanya ialah bilakah agaknya bapa akan berkahwin dengan makcik yang sering membawa saya bersiar-siar tersebut.

### **Pernikahan di rumah makcik Onggek (Musalmah)**

Musalmah atau lebih dikenali dengan panggilan “Onggek” atau makcik Onggek, pernah berlakon bersama bapa saya di dalam filem *Antara Senyum dan Tangis*. Beliau tinggal di Tembeling Road, jalan yang sama dengan rumah bekas kekasih bapa, Hamidah. Cuma makcik Onggek di hujung East Coast Road, sementara rumah Hamidah di hujung Koon Seng Road. Makcik Onggek juga pernah bersama-sama dengan bapa saya semasa mereka bergerak di dalam Persatuan Artis Malaya atau Persama. Setahu saya, bapa saya menganggap makcik Onggek sebagai penasihat



Bapa dan mama Saloma pada hari perkahwinan mereka dalam bulan Oktober 1961

tidak rasmi kepadanya, malah kerana beliaulah maka bapa saya berpindah ke Kuala Lumpur. Boleh dikatakan Musalmah adalah orang yang memainkan peranan penting untuk membawa bapa saya ke Kuala Lumpur.

Pada suatu petang saya telah dibawa ke rumah makcik Ongeek, setibanya saya di sana kami semua bersama anak-anak makcik Ongeek disuruh naik ke bilik atas. Di bawah kelihatan beberapa orang kawan-kawan bapa. Antaranya S. Sudarmadji, Kassim Masdor, Yusof B dan ada beberapa orang lagi yang saya tak kenal. Kami diberi arahan jangan turun, sehingga dipanggil nanti. Saya tak berani hendak bergerak, kerana saya memang takut dengan makcik Ongeek.

Tiba-tiba saya terdengar suara ramai dan kecoh di bawah, ada yang ketawa, ada yang bersenbang serta terdengar juga suara seorang China sedang mengambil gambar. Terkadang-kadang terdengar juga suara seolah-olah orang sedang membaca Al-Qur'an, barangkali orang membaca doa agaknya. Kemudian barulah saya sedar, rupa-rupanya satu majlis pernikahan di antara bapa saya dengan mama Saloma baru sahaja selesai, dan kami semua dibenarkan turun.

Pada mulanya saya merasa sedih, tetapi oleh kerana bapa memandang kepada saya dengan senyum simpul, maka akhirnya saya juga turut tersenyum dan bersalam dengannya. Akhirnya saya mempunyai ibu tiri yang baru iaitu mama Saloma. Suasana agak meriah dan kami disajikan dengan makanan murtabak. Jurugambar yang mengambil gambar pernikahan itu telah diberi amaran oleh

bapa supaya merahsiakan gambar-gambar tersebut dan tidak menghebohkannya kepada sesiapaupun. Maka pada malam itu bermulalah secara rasminya satu penghidupan baru kami sekeluarga dengan ikatan kasih yang baru dimakbulkan di antara bapa saya P. Ramlee dengan ibu tiri baru saya mama Saloma.

### **Kegemaran bapa mengambil anak angkat**

Satu lagi kegemaran bapa saya, ialah suka mengambil anak angkat, tidak kira sama ada anak itu dari orang Melayu ataupun orang yang bukan Melayu. Ketika kami di Yarrow Garden, ibu tiri saya juga gemar dengan apa yang disukai oleh bapa saya. Maka itulah sebabnya saya mempunyai ramai adik-beradik angkat. Antaranya ialah Normah, Betty dan Szali.

Kadang-kadang perkara mengenai anak angkat ini menjadi satu masalah, kerana setelah bapa meninggal dunia, timbulah beberapa masalah peribadi. Mulanya saya tidak mengambil kira langsung mengenai perkara ini, tetapi setelah bapa saya meninggal dunia, maka barulah saya sedar mengenai beberapa masalah keluarga. Ketika kami di Singapura, soal pertukaran nama dalam surat beranak tidak menjadi satu isu yang penting. Cara pengambilan anak angkat di sana mungkin hanya mengikut undang-undang 'civil', oleh kerana itulah di dalam surat beranak adik-beradik angkat saya mempunyai nama yang 'bertinkan' "Ranlee bin Puteh" sementara nama ibu pula "Junaidah bt Harris." Perkara ini menjadikan satu perkara

yang rumit apabila bapa saya meninggal dunia. Bapa saya bukanlah hartawan, tidak ada harta yang ditinggalkannya untuk kami, hanya wang insuran sahaja, itupun atas nama ibu tiri Saloma dan sedikit sebanyak saya mendapat habuannya. Tidak ada rumah gedung, hanya sebuah rumah deret dua bilik peninggalannya yang sekarang ini menjadi tempat saya berteduh bersama keluarga. Beliau tidak meninggalkan secebis tanah pun, hanya sebuah kereta Holden kecil sahaja. Yang menjadi sedikit kekecohan seketika, ialah tentang "royalti" lagu-lagunya. Itu pun tidaklah sampai berjuta-juta seperti apa yang diheboh-hebuhkan oleh setengah-setengah pihak.

Jadi sekarang jelas, bapa saya dari sisi undang-undang Islam hanya ada seorang anak sahaja hasil dari perkongsian hidupnya dengan bekas pelakon dan penari Junaidah Harris. Sayalah satu-satunya anak kandung dan anak tunggal P. Ramlee. Janglah diheboh-hebahkan tentang anak P. Ramlee.

Adik-beradik angkat saya yang lainnya, memang tinggal bersama kami sebumbung. Antaranya Sazali, Normah, Betty dan Armali (anak A.R. Tompel bersama Saloma). Manakala Dian, anak angkat Saloma, hanya sekali-sekala datang ke rumah kami, itupun setelah bapa saya berkahwin dengan Saloma.

Hidup kami sekeluarga memang ceria dan bahagia. Bapa saya memang terlalu sayang kepada Sazali, hingga terkadang-kadang saya merasa cemburu. Kita semua tidak boleh menjentik Sazali, walaupun kadang-kadang dia melakukan kesalahan. Bagaimanapun saya dapat

memahami sikap bapa saya terhadap Sazali. Dia mungkin merasakan yang sejak kehadiran Sazali dalam keluarga semua kerja bapa saya semakin berjaya. Bapa semakin banyak mendapat anugerah dan karyanya sentiasa mendapat sambutan hangat. Dia mungkin menganggap Sazali membawa tuah kepadanya.

Setelah bapa saya berkahwin dengan Saloma, maka Dian sering datang ke rumah, dan di sinilah sering berlaku sedikit keadaan yang kurang senang kepada kami. Dian adalah anak kesayangan Saloma, sementara Sazali pula anak kesayangan P. Ramlee, jadi antara Saloma dan Bapa saya masing-masing cuba menunjukkan kasih sayang yang berlebihan terhadap anak masing-masing. Masing-masing cuba menegakkan benang basah. Kalau Saloma kata Sazali yang bersalah, maka bapa saya tidak dapat menerimanya, tetapi sebaliknya kalau bapa saya kata Dian yang bersalah, maka Saloma pula tidak akan menerimanya. Begituulah sering berlaku antara bapa saya dengan Saloma. Ini tidaklah bermakna yang kedua-dua mereka membenci anak-anak itu, cuma perasaan kasih sayang yang agak keterlaluhan menguasai mereka.

### Berpindah ke Cedar Avenue

Setelah beberapa bulan perkahwinan antara bapa saya dengan mama Saloma, akhirnya kami berpindah pula ke rumah baru di Cedar Avenue, berdekatan dengan tanah perkuburan orang-orang Islam Bidadari. Rumah tersebut

BAPAKU P RAMLEE

adalah rumah teres yang disewakan oleh syarikat Shaw Brothers.

Saya masih menyepikan diri dan belum mahu menerima kenyataan sebenar bahawa Saloma adalah isteri bapa saya yang ketiga dan ibu tiri saya yang baru. Saya seolah-olah bermusuh dengan bapa. Hanya apabila saya perlukan wang belanja, barulah abang Ngah, pembantu rumah, akan menyampaikan hasrat saya kepada bapa. Bapa pula pernah mendenda saya dengan menyuruh saya menulis sebanyak seribu kali kalimat yang berbunyi "I must love my auntie". Dengan perasaan marah dan geram saya terpaksa menghabiskan tulisan itu dan ia masih tetap tidak mengubah pendirian dan perasaan saya terhadap ibu tiri baru saya. Saya pernah dirotan sehingga kadang-kadang terfikir untuk malarikan diri dari rumah. Keadaan ini akhirnya telah mengubah diri saya tanpa saya sedari dan jadilah saya seorang budak dan pelajar yang pendiam dan saya menumpukan kepada pelajaran di sekolah dengan bersungguh-sungguh sehingga saya mendapat markah terbaik.

Sekolah saya, Sekolah Rendah Cedar, terletak di hadapan rumah. Pada suatu hari saya diminta oleh guru membawa wang sebanyak lima puluh ringgit (ketika itu belum dollars). Wang ini untuk yuran pasukan pengakap sekolah. Cikgu memberi amaran jika wang itu lambat diterima, maka nama saya akan digugurkan dari senarai pengakap sekolah. Saya merasa serba salah, jadi saya cuba meminjam dari pembantu rumah abang Ngah. Dia juga pada masa itu sedang "pokai", saya bertambah risau dan khuatir kalau-kalau saya akan tersingkir daripada senarai pengakap



Rumah bapa di Cedar Avenue (Singapura). Kelihatan saya berdiri di hadapan rumah yang membawa pelbagai kenangan hidup bersama bapa saya di Singapura

di sekolah. Bapa saya pula ketika itu berada di Pulau Pinang kerana satu persembahan di sana. Yang boleh menolong waktu itu ialah makcik Saloma sahaja. Sesudah bertfikir panjang, saya cekalkan hati terus mengetuk pintu biliknya. Dia membuka pintu dengan tersenyum seolah-olah dalam hatinya berkata, "Pandai kau cari aku." Dengan mesra dia menyuruh saya masuk dan duduk di sebelahnya. Saya akur sahaja. Soalan pertama yang ditanyakan kepada saya membuat saya tergamam, "Kenapa Nasir tidak sukakan mama?" saya diam. "Tak apalah, kalau Nasir tak sukakan mama, mama tak kisah. Yang penting mama sukakan Nasir dan bapa Nasir." Saya amat terharu mendengar kata-kata beliau. Saya terus memeluknya menangis dan meminta maaf di atas kelakuan saya selama ini. Saya dimaafkan dan dengan segera saya mengambil kesempatan menyatakan hajat yang sebenarnya, lalu dia memberi wang yang saya kehendaki. Saya bersyukur kerana akhirnya diterima menjadi ahli pengakap di sekolah. Sejak dari hari itu, saya tidak lagi membenci makcik dan sejak hari itulah saya memanggilnya "Mama" dan bapa pula saya panggil 'Daddy'.

Kehidupan saya di Cedar Avenue amat berbeza dengan kehidupan di MacPherson Road. Ibu tiri yang berpegang kepada disiplin sudah tidak ada lagi, maksud saya Mama Noorizan sudah bercerai dengan bapa. Saya tidak payah mengikut jadual harian yang tersusun. Kalau dulu saya terpaksa menyiram pokok bunga, kopek petai tetapi bersama mama Saloma saya merasa bebas dan tidak lagi merasa takut. Saya mula menghormatinya sebagai ibu. Cuma satu yang saya risau ialah saya terpaksa mencuci

pakaian sendiri. Walau bagaimanapun pembantu rumah, abang Ngah tetap akan membantu, kerana dia tahu umur seperti saya yang masih kecil ini tentulah cucuannya tidak begitu sempurna.

Bapa juga telah nampak perubahannya, dia merasakan dirinya seolah-olah terlepas dari kurungan. Kadang-kadang dia balik jauh malam, dan kadang-kadang pula pulang awal, tetapi kemudian keluar semula. Nampak betul ceritanya dan dari hari ke hari semakin ramai kawan-kawan yang datang berkunjung ke rumah. Sehingga rombongan drama pentas pun berlatih di rumah kami. Saya masih ingat cerita *Kacep Emas* dan *Damaq*, mereka berlatih bersama bapa saya di rumah kami di Cedar Avenue.

Pelajaran saya jarang sekali dihiraukannya, dan apa sahaja yang saya pinta saya akan dapat, wang saku ketika itu sepuluh ringgit untuk lima hari belanja. Ini hanya untuk perbelanjaan sekolah, sedangkan perbelanjaan harian lain pula diberi berasingan. Waktu itu memang besar nilainya. Ketika itu saya dalam darjah lima, dan saya mendapati pelajaran saya semakin susah. Saya terpaksa belajar sendiri tanpa ada sesiapa tempat untuk dirujuk. Ini mengganggu pembelajaran saya dan akibatnya saya kadang-kadang tidak mendapat markah yang baik di dalam ujian dan peperiksaan di sekolah. Bila keadaan ini berlaku, saya akan meminta Mama Saloma untuk menandatangani buku laporan prestasi di sekolah, tetapi kalau saya mendapat tempat kedua atau ketiga, maka bapalah yang akan menandatangani buku laporan tersebut. Saya akan diberi hadiah dan bapa tidak pernah menungktiri janji kerana apa yang dijanjinya akan ditunaikan. Begitulah juga dengan karyanya di dalam dunia

filem, beliau sentiasa memenuhi kehendak penonton. Bapa sanggup berkorban apa sahaja demi kepentingan seninya biarpun hidupnya tidak semewah dan segarah namanya.

### Guru tuisyen

Pelajaran saya di sekolah tidaklah sehebat kawan-kawan yang lain. Ini kerana kelas saya adalah kelas pencapaian rendah dan saya banyak bergaul dengan murid-murid yang bukan Melayu. Saya terkadang-kadang berbangga sendiri kerana ada ketika kelulusan saya lebih baik daripada kawan-kawan sedarjah dengan saya.

Sebagai seorang bapa yang mementingkan pendidikan, bapa masih ingin mencarikan seorang guru untuk mengajar kami adik-beradik di rumah.

Secara kebetulan, pada suatu hari kira-kira selepas waktu maghrib, sedang kami sekeluarga (kecuali bapa) berada di rumah duduk bersembang sambil menonton TV, tiba-tiba tercegat di pintu seorang pemuda berkelulusan India memberi salam. Dia bertanyakan bapa saya. Abang Ngah dengan segera mememuinya di pintu dan mempelawanya masuk. Pemuda itu masuk dan duduk di sofa sambil menegur mama yang sedang mengait baju panas benang bulu.

Akhirnya baru saya tahu tujuan sebenarnya pemuda itu bertemu dengan bapa, kerana beliau peminat bapa dan ingin belajar menulis skrip. Kami mendapat tahu mengenai perkara ini melalui abang Ngah. Setelah beberapa minggu



Saya dan Yusnor Ef (guru tuisyen saya) bergambar dengan potret bapa



pemuda itu datang ke rumah, barulah kami tahu rupa-rupanya beliau ialah seorang guru bahasa Melayu di sekolah pemerintah. Kadang-kadang saya kasihan melihat dia kerana terpaksa menunggu bapa sehingga lewat malam. Boleh dikatakan dia hanya dapat bertemu bapa selepas kami semua masuk tidur. Yang terpaksa menemaninya ialah abang Ngah. Lama kelamaan kami bertambah mesra dengan 'Cikgu' itu, dan kami sering berbual, berjenaka dan sering makan bersama dengan 'Cikgu'.

Pada suatu hari bapa memanggil kami semua, Normah, Betty, Armali anak Saloma dan saya. Bapa memberitahu kami, seorang guru sambilan akan menjadi 'Tuition Teacher' kepada kami semua. Namanya 'Cikgu Mat Nor'. Soalan pertama yang saya tanya bapa ialah, "Guru tu garang ke tidak?" Bapa terus menjawab, "Guru tu penakut, tapi jangan engkau orang menambahkan ketakutannya pula, nanti dia tak mahu mengajar engkau semua. Guru tu tak akan pukul engkau, tapi aku yang akan pukul engkau orang, kalau kau orang melawan atau tak mahu belajar. Engkau orang semua mesti hormat dia." Itulah pesanan serius bapa kepada kami.

### Reaksi cikgu tuisyen

Pada mulanya beliau agak gementar, walaupun dia sudah mesra dengan bapa, tapi dia mungkin bertambah takut kerana dia mengajar anak 'P. Ramlee'. Bapa sering mengingatkan Cikgu itu dengan katanya, "Mat Nor ajar mereka betul-betul, kalau dia orang main-main beritahu



Bapa bersama keluarga kami bergambar di Lapangan Terbang Singapura ketika beliau bersama-sama mama Saloma berangkat ke Hong Kong pada 7 Jun 1962 untuk mengambil bahagian dalam filem *Love Parade*, filem Showscope berwarna-warni. Duduk di hadapan sekali ialah Haslinda dan Rosita Rohaizad, Szali dan saya berdiri di antara bapa dan mama, dan di kiri mama adalah Dian dan Armali

abang, biar abang bantai mereka.” Akhirnya kami belajar dengan Cikgu Mat Nor, dan hubungan kami semakin hari semakin mesra. Makcikku, yang kami panggil “Kak Joyah”, dan suaminya abang Mat (Ahmad Joko atau Ahmad Rejab) yang turut tinggal bersama kami juga mesra dengan Cikgu Mat Nor. Lama kelamaan kami sudah menjadi sebagai satu keluarga, bersenda gurau ketika bapa belum pulang, dan kadang-kadang kami semua makan bersama dan pernah juga pergi ke kedai gambar dan bergambar seperti sebuah keluarga. Makcik mempunyai dua orang anak Hussein dan Zakiah. Zakiah digelar oleh bapa dengan nama Zazaloma. Akhirnya Zazaloma turut dipelihara bapa sehinggalah kami berpindah ke Kuala Lumpur.

Cikgu Mat Nor memang sangat hormat dengan bapa. Bila berhadapan dengan bapa, “Pijak semut pun tak mati”. Orangnya peramah dan sentiasa memberi kami nasihat. Kadang-kadang sedang dia mengajar kami, bapa masuk ke bilik, bukan kami yang takut, tetapi Cikgu Mat Nor yang kami nampak gementar.

Ketika kami belajar di rumah sebelum bapa pulang, Cikgu Mat Nor akan memberi kerja rumah dan menyemak kerja-kerja yang kami buat. Di antara kesemua adik-beradik kami, Allahyarham Armalilah (anak Saloma, adik-beradik tiri kami) yang selalu diegur oleh Cikgu, kerana tulisan Armali yang tidak tersusun dan tidak begitu kemas. Walaupun Cikgu sering memarahinya, namun Armali tidak pernah ambil hati, dia hanya mengganggu dan ketawa sahaja. Kadang-kadang saya boleh baca air muka Cikgu Mat Nor, dia seolah-olah geram dan “fed-up” dengan kami, tetapi oleh kerana kami semua anak P. Ramlee, terpaksa

dia buat macam tak ada apa-apa, tersengeh saja. Bapa pernah bertanya kepadanya, “Apa macam budak-budak ni? Kalau mereka tu nakal, kau rembat dia!”

Cikgu Mat Nor tersenyum dan berkata, “Tak ada apa-apa bang! Dia orang semua hormat saya.” Begitulah cerita guru tuisyen kami. Walaupun dia seorang yang lucu dan suka bergurau, tapi bila dia berhadapan dengan bapa saya dia ‘mati kutu’.

#### **Peristiwa ‘terkejut hantu’ menyebabkan guru tuisyen demam seminggu**

Biasanya setiap malam selepas kami makan, kami bersama Cikgu Mat Nor akan berbual tentang cerita-cerita lama dan kadang-kadang kisah-kisah pengalaman Cikgu semasa kecil. Ketika itu, seorang pemuda bernama Ramli yang kami panggil Ramli kecil, (kerana ada dua nama, Ramlee atau Ramli, di rumah kami yang tinggal serumah). Ramli kecil ini membantu kami di rumah dan bapa akan menyuruhnya untuk membantu dalam apa saja yang bapa perlukan.

Ramli kecil adalah bekas suami pelawak terkenal Norliah Ramli yang sekarang ini dikenali sebagai Norliah Ghani.

Seorang lagi pelakon tambahan di studio Jalan Ampas, yang sering datang ke rumah ialah ‘Mat Ceit’. Dia berasal dari Pulau Pinang. Dia sering diberi peluang oleh bapa untuk berlakon memegang watak kecil. Dalam filem

*Seniman Bujang Lapok*, Mat Ceti berlakon sebagai mamak penjual batu permata dan batu akik ditepi jalan ketika Sudin hendak menjual cincin untuk mendapatkan wang agar P. Ramlee dapat berkahwin dengan Saloma.

Mat Ceti sering datang ke rumah kami ketika waktu maghrib. Beliau kadang-kadang muncul secara tidak disadari di tingkap, dan dia selalu bertanya "Ramlee ada?" dan apabila dijawab tak ada, beliau terus beredar. Orangnya sederhana, suaranya halus dan pakainya tidak kemas. Dia juga selalu berada di tanah perkuburan orang Islam Bidadari di Bartly Road, Singapura. Selain membantu membawa mayat untuk ditanam, beliau juga sering membantu sebagai penggali kubur.

Pada suatu malam Jumaat, kira-kira jam tujuh malam, sedang kami bersama Cikgu Mat Nor dan Kak Joyah serta adik-beradik kami yang lain berbual-bual dengan seronoknya sebelum bapa pulang, tiba-tiba Mat Ceti muncul di tingkap bertanyakan P. Ramlee. Kami terkejut, pembantu kami abang Ngeh terus memberitahu yang P. Ramlee tak ada dan dia pun terus beredar dari situ.

Kami meneruskan perbualan kami, kira-kira setengah jam kemudian, tiba-tiba Ramli kecil mengerit dengan tidak semena-mena. Kami semua terkejut, dan Cikgu Mat Nor terus lari ke arah tangga untuk naik ke atas. Abang Ngeh dengan segera memegang Ramli kecil dan menyiram air ke mukanya. Seketika kemudian, keadaan menjadi tenang semula. Ramli kecil sudah sedar. Semua yang berada di situ gugup dan tidak tahu mengapa secara tiba-tiba Ramli kecil seperti di rasuk hantu.

Suasana tenang kira-kira empat puluh minit, tiba-tiba dia memekik lagi dan suasana menjadi kelam kabut semula. Abang Ngeh terpaksa memegang tangannya dan turut menyapukan air ke mukanya. Ketika inilah adik-beradik kami mula takut dan terus naik tidur. Cikgu Mat Nor dengan tidak sabar-sabar lagi terus memberitahu dia hendak pulang, walaupun bapa saya belum pulang. Dengan tergesa-gesa Cikgu Mat Nor terus pulang. Setelah Ramli kecil pulih, dia disuruh tidur, dan kami juga turut tidur bersama.

#### **Pak Yusof B dengan air penawarnya**

Hampir seminggu Cikgu Mat Nor tak datang, dan bapa saya menasihatkannya supaya berjumpa Pak Yusof B. Di rumah, bapa sendiri membuat air penawar dengan membacakan ayat-ayat al-Quran dan kami disuruh meminumnya. Pak Yusof B juga datang ke rumah kami untuk membantu agar Ramli kecil tidak diganggu lagi.

Apabila Cikgu Mat Nor datang semula, bapa saya berkata kepadanya, "Tangan takut, abang dah halau hantu Mat Ceti tu. Engkau orang ni semua autalah, jangan-jangan dalam badan engkau orang ni semua ada hantu tak?" Kami semua ketawa, terutama kepada Cikgu Mat Nor, kerana sekejap-sekejap matanya asyik tengok Ramli kecil sahaja. Ramli memberitahunya, "Tangan takut, aku tak pekit lagilah Nor."

### Cikgu tuisyen kedua Cikgu Aziz

Cikgu Mat Nor telah membawa seorang temannya Cikgu Aziz untuk membantunya mengajar kami. Menurut Cikgu Mat Nor, Cikgu Aziz memang peminat bapa saya dan dia tidak pernah bertemu muka dengan P. Ramlee, jadi Cikgu Mat Nor membawanya untuk bertemu P. Ramlee dengan syarat dia turut menolong mengajar kami. Cikgu Aziz merupakan seorang guru Ilmu Hisab (*Mathematics*).

Kami gembira dan mula belajar dengan rajin kerana ada dua orang guru. Cuma Cikgu Aziz datang sekali sekala saja, sedangkan Cikgu Mat Nor seperti biasa datang saban hari kerana masih belajar dengan bapa.

### Keluarga bapa berpindah ke Kuala Lumpur

Setelah bertahun-tahun kami berada di Singapura, bapa memberitahu yang kami akan berpindah ke Kuala Lumpur. Saya terkejut kerana saya sudah bertapak di Singapura sejak kecil malah sejak saya dilahirkan, lagi pun Kuala Lumpur adalah satu tempat baru kepada saya. Rupa-rupanya Cikgu tuisyen, Cikgu Mat Nor telah pun mengetahui perkara ini. Saya dapat membaca perasaan Cikgu saya, daripada air mukanya yang agak sugul dan macam orang susah hati. Oleh kerana pemindahan itu sudah dirancang dan telah pun dipersetujui bapa saya, maka kami terpaksa menurutnya.

Beberapa hari lamanya, kami sekeluarga tinggal hanya bersama pembantu rumah dan Kak Joyah kerana bapa ke

Kuala Lumpur. Kami berbincang perkara itu kerana kami agak ragu-ragu, tetapi makcik saya memberitahu, "Ikut dulu bapa kamu, nanti lama-lama tentu kamu dapat menyesuaikan diri di Kuala Lumpur." Saya masih teringat dua minggu sebelum kami berpindah ke Kuala Lumpur, Cikgu Mat Nor dan Cikgu Aziz bersama abang Yusman dan Makcik saya Kak Joyah mengadakan satu majlis makan malam khas sebagai jamuan perpisahan untuk bapa saya. Malam itu seronok sekali, teman-teman lain juga turut sama bergembira, termasuk Allahyarhamah seniwati Ros Yatimah. Malam itu kami makan minum dan bersukaria, saya lihat bapa saya turut bergembira. Cikgu Mat Nor terpaksa tidur di rumah kami kerana penat dan terlalu lelah untuk pulang ke rumah. Satu ketika bila melihat cikgu Mat Nor berjoget dan bernyanyi bersama, bapa melepaskan komen, "Tengok! Murid aku yang paling hormat, malam ni dah jadi macam kuda belang."

### Berangkat ke Kuala Lumpur

Pemindahan kami tidaklah seperti pemindahan orang lain. Kami berangkat dengan menaiki sebuah kereta Dodge yang dipandu oleh bapa saya sendiri. Pagi hari yang kami hendak berangkat itu, Cikgu Mat Nor ada bersama. Dia sempat membantu kami mengemas sama bilik bapa saya. Saya perhatikan, di samping dia berkemas, ada juga dia terjumpa beberapa salinan skrip yang tidak tersusun. Dia meminta izin bapa untuk menyimpannya, dan antaranya ialah sehelai 'Letterhead' yang bertulis 'Perusahaan Filem P. Ramlee'.

'Letterhead' itu menunjukkan harapan bapa saya untuk menubuhkan sebuah syarikat perfileman apabila tiba di Kuala Lumpur, tetapi sayang, hajat dan cita-citanya tidak kesampaian, kerana orang-orang di sekelilingnya tidak mahu lagi menghormati dan mempercayainya. Malah ada yang menikamnya dari belakang. Ini adalah cerita yang saya dengar sendiri apabila bapa saya menceritakannya pada saat terakhirnya kepada beberapa teman termasuk muridnya Cikgu Mat Nor.

Pada sebelah tengah hari kira-kira jam dua, kami pun berangkat dengan kereta yang dipandu bapa, meninggalkan rumah kesayangan kami, kerana di rumah itulah kami dibesarkan, bersekolah di hadapan rumah, dan mempunyai teman serta kawan yang ramai. Bapa sedih, kerana sebelum dia menaiki kereta, dia memandang ke sekeliling kawasan rumah dan berpesan kepada Kak Joyah, "Jaga rumah pakek ni," (panggilan yang digunakan oleh Kak Joyah bila dia memanggil bapa).

Pada masa itu saya tidak risau sangat kerana saya dan adik-adik akan pulang semula ke Singapura, kerana kami masih bersekolah di Singapura buat sementara waktu.

Dari rumah bapa, kami terus menuju ke studio Jalan Ampas. Di studio, ramai kawan-kawan sudah menunggu. Mereka bersalam-salaman dengan bapa dan Saloma, sambil bergambar beramai-ramai buat kenangan. Bapa turut berjumpa kedua-dua pengurus studio Mr Lee Tung Ku dan Mr Kwek Chip Jian untuk mengucapkan selamat tinggal. Kami kemudian meninggalkan studio Jalan Ampas, studio yang telah mencipta nama bapa sehingga menjadi seorang

seniman besar dan nadi serta tulang belakang industri filem Melayu. Filem yang terakhir diarahkan di studio itu ialah *Tiga Abdul*. Dari studio kami terus menuju ke Kuala Lumpur.

### Di Kuala Lumpur

Setibanya kami di Kuala Lumpur, bapa kami membawa kami terus ke sebuah hotel berdekatan dengan Dataran Merdeka. Hotel itu terletak di Jalan Tangsi dan kalau tak salah saya hotel tersebut di kenali sebagai Peninsular Hotel. Akhirnya kami berpindah ke sebuah rumah banglo di Jalan Bunga Kantan Setapak, Taman Furlong (Kini kawasan itu diberi nama Taman P. Ramlee). Mungkin rumah ini juga dihaskan untuk bapa saya oleh Shaw Brothers. Kami adik-beradik amat gembira kerana mendapat rumah baru dalam suasana bandar. Bapa saya yang ketika itu sudah bertugas di studio Merdeka agak ceria. Perjalanan ke tempat kerja tidak mengambil masa yang lama kerana Merdeka studio terletak di Ulu Klang. Beliau sering memandu keretanya sendiri ke studio. Saya bersekolah di Gombak dan kemudiannya saya dipindahkan pula ke High School di Air Panas Setapak. Semasa di Kuala Lumpur minat saya dalam muzik sudah mula saya rasakan, dan saya mula bercampur dengan kumpulan tiga gitar. Mulai dari sinilah saya sudah tidak berminat lagi dengan sekolah, dan sering ponteng kerana sibuk bermain muzik. Kami seronok kerana kumpulan kami sering diundang ke majlis-majlis kahwin dan hari jadi, walaupun pendapatan tidak lumayan, tetapi

kepuasan cukup saya rasakan. Bapa saya sudah mula resah dan khuatir kalau-kalau saya tidak dapat melanjutkan pelajaran saya.

Kadang-kadang saya terpaksa berbohong dengan bapa yang saya ke sekolah, tetapi sebenarnya saya bersama kawan-kawan membuat latihan muzik. Bapa saya bertambah runsing dan khuatir bahawa saya akan terpengaruh dengan anasir-anasir yang tidak baik. Bagi diri saya sendiri, ingatan bahawa saya adalah anak seniman besar P. Ramlee menjadikan saya bertekad untuk menjaga nama baik bapa saya dan menjaui perkara-perkara yang kelak menconteng arang ke mukanya.

### Surat Cinta

Satu peristiwa yang amat menakutkan dan menjadi satu keruminsangan saya ialah apabila bapa saya bertukar menjadi seorang 'diktator'. Kejadian ini berlaku sekebalinya saya dari sekolah. Walaupun hari itu saya tidak bersekolah kerana ponteng, tetapi saya berlagak seolah-olah baru pulang sekolah. Setibanya saya di hadapan pintu pagar rumah, kelihatan kereta bapa saya berada situ. Saya agak panik dan tidak tahu apa yang hendak dijawab kalau dia bertanya tentang saya, tetapi saya buat muka selamba saja. Apabila saya masuk ke dalam, tiba-tiba dia menegur, "Hello my son! Penat ya, kasehan, pergi makan dahulu." Saya sudah dapat agak sesuatu akan berlaku ke atas diri saya dari tingkah laku bapa saya itu. Saya yakin saya akan menerima padah pada malam itu. Saya terus ke dapur.

Semasa saya sedang makan, saya cuba bertanyakan kepada pembantu rumah jika dia tahu apa-apa mengenai perlakuan bapa saya malam itu, sama ada dia ada marah dengan saya. Pembantu rumah menggelengkan kepala dan berkata, "Saya tidak tahu apa-apa". Saya terus menambah nasi dan lauk, namun fikiran saya melayang dan agak buntu. Setelah selesai makan, saya terus ke bilik, fikiran masih gundah-gulana, kerana belum tahu kisah yang sebenarnya mengapa bapa saya agak berlainan hari itu. Sedang saya mengelamun, tiba-tiba nama saya dipanggil. Saya tersentak, saya bangun dan dengan rasa takut terus keluar bertemu bapa. Bapa hanya tersenyum sambil berkata, "Ini ada surat, Daddy baru terima, ini mesti surat cinta," dengan ketawa yang agak serius dia terus memberi surat itu kepada saya dan berkata, "Nah! Baca kuat-kuat, Daddy nak dengar."

Saya mengambil surat itu, seluruh tubuh saya menggigil, kerana sampul surat itu datangnya dari sekolah. Saya terus membacanya perlahan-lahan. Bapa saya menengking dengan berkata, "Baca kuat-kuat, aku nak dengar!" Dengan bertambah gugup saya membacanya, "Adalah dimaklumkan, bahawa anak tuan telah tidak hadir ke sekolah selama tiga minggu, dan dari itu pihak sekolah telah membuat keputusan untuk ..." belum sempat saya habiskan bacaan surat itu, tiba-tiba saya rasa macam satu bom meletup di muka saya, tapi saya juga bijak, saya faham betul perangai bapa saya, dan dengan seta-merta saya pura-pura jatuh dan pengsan. Bapa saya yang agak marah ketika itu, tiba-tiba terus meluru ke arah saya dan memeluk saya dengan berkata, "I am sorry son, I am sorry," dan saya terus hanya mematikan diri. Inilah caranya bagi

membuatkan bapa saya tidak memukul saya terus dan melepaskan kemarahannya. Mama Saloma yang berada di dalam terus bergegas menuju ke arah saya, sambil berkata, "Itulah you Daddy oi! Kalau pukul anak, macam pukul lembu, kasihan budak ini." Saya sedar, namun masih pura-pura tidak sedar. Saya juga ingin ketawa dengan keadaan yang berlaku tetapi terpaksa menahannya kerana bapa saya sedang *hot*. Dengan penuh rasa kasih-sayang, bapa sempat mengangkat dan membawa saya masuk ke dalam bilik dan meletakkan saya di atas katil. Dia meminta air segejas dari pembantu rumah dan membacakan ayat suci Al-Quran dan menyapukan air ke muka saya. Dengan itu, saya terpaksa membuat seolah-olah saya baru sedarkan diri dan memandang mukanya dan dia hanya tersenyum.

### Tidak mahu bersekolah lagi

Setelah seminggu peristiwa itu berlaku, saya mengambil keputusan yang saya terpaksa berterus-terang dengan bapa. Salah satu daripada sifat bapa ialah jangan berbohong dan bersikap tidak jujur. Sifat itu diamalkannya sehingga ke akhir hayatnya. Dia lebih suka orang yang berterus-terang. Pada satu hari sekebalinya dari studio untuk makan tengah hari, dia memanggil saya masuk ke biliknya. Saya terus masuk dan duduk di sebelah mama untuk menjaga keselamatan saya supaya tidak dipukul lagi. Dia bertanya sama ada saya mahu terus bersekolah lagi ataupun tidak. Saya memberanikan diri dan terus memberitahunya perkara yang sebenar, "Daddy, Nasir tak mahu sekolah lagi." Bapa

tidak terkejut dan hanya membalas kata-kata saya, "O.K. fine, tapi you mesti ikut Daddy shooting." Kemudian dia tersenyum dan bertanya, "Sakit lagi tak? Daddy minta maaf sebab Daddy lost control semalam, O.K.?" Saya hanya diam, terfikirkan kata-kata bapa mengenai "shooting".

Apabila saya mendengar saja perkataan "shooting", badan saya terus lemah dan mula menyesal. Memang bukan minat saya dengan hal studio dan "shooting", lagi pun kalau saya terpaksa ikut dia selalu ke studio, macam mana saya nak hisap rokok? Tiba-tiba mama Saloma bersuara dari belakang, "Kenapa you nak berhenti Nasir sekolah?"

Bapa saya menjawab bersahaja, "O.K.lah Sally (panggilan manja bapa saya kepada mama Saloma). Kalau dia tak hendak sekolah, kita hantar ke bulan pun dia mesti tak belajar. Lagi pun kalau dia tak sekolah, kuranglah sikit duit belajar I." Kata bapa saya secara menyindir tetapi mungkin marah. Oleh kerana saya telah berterus terang dan bapa saya pun menjawab dengan berterus terang, maka saya terpaksa mengikut kemahuannya pergi ke studio buat beberapa waktu.

Apabila tiba waktu untuk "shooting", saya pun terpaksa mengikut bapa ke studio. Di studio Merdeka, walaupun tidak begitu berminat dengan dunia perfileman, saya berkesempatan untuk mempelajari banyak perkara dan ilmu berkenaan "shooting" secara kebetulan. Umpanya saya mengetahui selok-belok untuk membuat 'effect', 'dubbing' dan 'editing' di dalam filem, namun oleh kerana kurang minat pada diri saya, tidaklah saya berusaha mendalami dan belajar teknik dan kemahiran tersebut dengan

bersungguh-sungguh. Pada pandangan saya, hanya bidang muzik yang benar-benar hidup di jiwa saya dan ia jugalah satu-satunya persamaan minat yang dapat saya kongsi dengan bapa.

### Sebagai pemandu kereta Saloma

Setelah tidak bersekolah, dan tidak mempunyai pekerjaan tetap, main muzik pun tidak selalu, akhirnya saya terpaksa menjadi pemandu kereta ibu tiri saya Saloma. Saya ditugaskan membawanya ke mana yang dia nak pergi. Sebelum ke mana-mana, setiap pagi terpaksa mencuci kereta, dan kadang-kadang menjadi pegawai peribadi bapa saya mememaninya ke studio Merdeka. Akhirnya setelah saya bosan dengan kerja harian yang tidak membawa apa-apa cabaran bagi saya, maka saya dan kawan-kawan pen muzik muda menubuhkan sebuah kugiran yang diberi nama "The Beagles", nama itu kami sengaja pilih kerana ia seakan-akan nama "The Beatles"—sebuah kumpulan muzik yang terkenal di barat pada ketika itu. Kugiran saya ini hanya sesuai untuk majlis kahwin dan majlis harijadi dan penyanyinya ialah Salamiah Hassan. Ketika itu banyak juga kontrak yang kami terima, lebih-lebih lagi apabila ramai yang mengetahui bahawa kugiran "The Beagles" ini di bawah pimpinan anak P. Ramlee, jadi mewahlah sedikit pendapatannya.

Satu tabiat saya suka bertukar-tukar kugiran. Ini mungkin kerana saya ingin mencari sesuatu yang baru. Saya berhenti dari The Beagles, dan memasuki pula kugiran anak

Saloma dengan A.R. Tompel, Armali. Ini pun tidak kekal dan hanya untuk beberapa waktu sahaja sebab kami sering berselisih-faham. Pada satu ketika, perselisihan kami sudah agak serius dan mula melibatkan pihak bapa dan mama. Penglibatan bapa dalam keadaan perhubungan kami yang agak tegang itu hampir-hampir membuatkan bapa saya mengambil keputusan meninggalkan mama Saloma kerana kemarahannya terhadap Armali dan mama.

Bapa memang sayangkan anak-anaknya termasuklah anak angkatnya dan sering mempertahankan mereka biar dalam apa keadaan sekalipun. Kerana kasih-sayang yang terlalu mendalam itulah dia akan mengiakan apa pun yang dilakukan oleh si anak biarpun perbuatan tersebut sebenarnya salah. Di dalam perselisihan saya dan Armali tersebut, bapa beranggapan Armali yang bersalah, tetapi mama tetap membelahi Armali. Alhamdulillah, melalui rundingan keluarga, akhirnya perkara itu dapat diselesaikan dan kami bermaaf-maafan.

Setelah beberapa lama tidak bermain muzik dan menyertai mana-mana kumpulan, saya akhirnya mengambil keputusan menganggotai kumpulan "Booty Boys".

### Benarkah P. Ramlee seorang bomoh?

Setelah bapa saya meninggal dunia, ramai orang yang membuat bermacam-macam cerita dan andaian. Ada yang mengatakan P. Ramlee sebenarnya tukang ubat, ada juga yang mengatakan P. Ramlee seorang bomoh dan turut sama



yang mengatakan P. Ramlee seorang tukang tilik. Kenyataan-kenyataan tersebut memang agak pelik bagi saya sebagai anaknya yang duduk serumah dari kecil dan tidak pula pernah menyaksikan perlakuan bapa yang sedemikian. Inilah agaknya akibat yang terpaksa dihadapi kalau sudah menjadi orang termama. Orang ramai akan memperkatakan pelbagai perkara dan tanggapan yang enak di fikiran mereka tanpa mengendahkan perasaan ahli keluarga dan rakan-aulan yang benar-benar mengenali P. Ramlee. Perbuatan segelintir individu memperkatakan dan membesar-besarkan perkara yang kurang tepat mengenai bapa sememangnya sudah menjadi lumrah manusia.

Sebenarnya bapa saya bukanlah seorang bomoh mahupun seorang pengamal perubahan batin atau tradisional. Apa yang pernah dilakukannya kepada kami anak-anaknya dan beberapa kawan rapat hanyalah sekadar membantu mereka dengan bacaan doa ayat-ayat suci al-Quran, dan ianya tidak melibatkan sebarang perkara yang mencurigakan dari segi Islam. Dia tidak menggunakan jampi serapah atau pulut kuning dengan ayam panggal. Beliau hanya membacakan doa dengan air penawar dan dia menjadikan saya sebagai pembantunya. Dia hanya memberikan air doa penawar penyakit dan tidak pula mengharapkan pengkeras atau bayaran. Pertolongannya ikhlas dan biar pun penat, kami biasanya kenyang dengan makanan yang disumbangkan oleh mereka yang datang mendapatkan rawatan.

Sebenarnya bapa saya pernah melakukan kerja-kerja 'merawat' pesakit semengjak kami tinggal di Singapura lagi. Dia sering memberikan air penawar kepada anak-anaknya,

keluarga dan teman-teman rapat. Saya seorang perantaraan antara dia dengan mereka yang hendak ditolong. Dia akan menyuruh saya mencuci muka dan membuka baju serta memeluk bantal dan duduk membelakangkannya. Dia akan menekan ibu jarinya kepada penghujung tulang tungking saya, dengan apa yang dibacanya sambil memejamkan mata, saya kemudian menjadi tidak sedar seketika. Pada waktu inilah beliau akan bertanya dengan saya sesuatu perkara, dan saya secara tidak sedar menjawab apa yang dianyakannya (Ini diberitahu oleh orang yang berada dihadapan saya ketika itu).

Perkara ini berlaku di Singapura kepada cikgu tuisyen saya Cikgu Mat Nor. Semasa dia baru bergurukan bapa saya, bapa saya cuba untuk menguji keikhlasannya belajar dari bapa. Satu malam dia memberitahu Cikgu Mat Nor, "Malam ini abang nak tengok, engkau ni betul-betul nak belajar ke atau suka-suka." Cikgu Mat Nor agak terkejut dan berkata, "Betul bang, betul-betul saya nak belajar". O.K. nanti Nasir akan cerita semua. Lalu saya disuruh cuci muka duduk dihadapan Cikgu Mat Nor, saya nampak Cikgu Mat Nor macam orang dah kena sampuk, mukanya agak pucat dan takut. Bapa saya sengaja mengusik dia, "Aii engkau takut, jangan takut kalau kau benar-benar nak belajar" Seketika saya duduk itu, tiba-tiba saya tidak sedarkan diri, bapa saya memicit penghujung tulang tungkeng saya dan bertanya bermacam-macam tentang cikgu Mat Nor. Saya pun tak tahu apa yang saya cakap.

Akhirnya bapa saya menepuk belakang saya dan menyuruh saya cuci muka lagi, barulah saya sedar. Baru saya tahu apa yang bapa saya nyatakan kepada Cikgu Mat

Nor, saya masih ingat kata-katanya, "Bagus! engkau betul-betul nak belajar, engkau budak baik, belajar betul-betul" Itulah kisah tentang bapa saya yang dianggap bomoh, tetapi sebenarnya dia bukan bomoh, hanya mempunyai satu kelebihan yang diberi Allah kepadanya. Pak Yusof atau Pencipta lagu Yusof B adalah dianggap sebagai gurnunya, kerana Pak Yusof juga mempunyai kelebihan demikian.

### **Kegemaran dan hobi bapa**

Walaupun bapa saya terkenal sebagai pelakon, pemuzik dan pengarah, tetapi ada dua kegemaran atau hobinya. Kegemaran ini agak istimewa iaitu yang pertamanya dia suka menggunting rambut dan perkara yang kedua, dia juga memasak di dapur. Tetapi semasa di Singapura, pelakon dan pelawak Ahmad C yang menjadi tukang gunting bapa saya. Bapa saya hanya menggunting rambut anak-anaknya dan kadang-kadang anak-anak buah. Rambut saya habis dibelaskannya, hendak bersuara tidak boleh, jadi terpaksa sah ikut apa saja gaya yang dia suka.

Kadang-kadang sampai nampak kulit kepala dan dalam hati saya berkata, bukannya lebih baik dibotakkan saja. Pernah dia menggunting rambut saya dari jam empat petang sampai ke waktu maghrib sehingga saya menangis.

Satu lagi hobi bapa saya ialah memasak. Setiap hari minggu kalau tidak ada apa-apa program, dia akan sibuk di dapur. Pada satu hari saya bertanya ibu tiri saya Saloma,

sama ada Daddy keluar ke hari ini, jadi boleh saya berehat, tetapi kalau dia ada rumah saya terpaksa keluar sebelum dia bangun. Kenapa saya hendak lekas-lekas keluar, kerana hari itu dia akan memasak di dapur, dan masakannya pula pelik-pelik. Antara nama-nama masakan yang diberinya ialah masakan kari Bugis, lemak London, kari ikan kering Italy, Soto Semerah Padi dan banyak lagi nama-nama masakannya yang luar biasa dan pelik-pelik belaka. Malah semasa di Singapura di studio Jalan Ampas, apabila petang mamak mee akan datang dengan basikal tolaknya menjual mee goreng. Mamak tu dah faham, kalau bapa saya hendak makan mee goreng dia akan menyerahkan segala-galanya kepada bapa saya, dan bapa saya yang akan menggoreng sendiri.

Kalau dia memasak di rumah, tidak ada orang yang boleh mengganggu dan turut campur di dapur. Setelah selesai, dia menyuruh kami mengambil pinggan atau mangkuk masing-masing sambil beratur dan dia akan meletakkan mee itu ke dalam pinggan kami. Kemudian semua duduk berkeliling bersama dia makan di ruang rumah, ketika inilah dia akan bertanya "Sedap tak? kalau tak sedap pun mesti bilang sedap" sebenarnya memang tak sedap. Yang ganjilnya kalau kita kata sedap, dia akan tambah lagi ke pinggan kita. Aduh! kadang-kadang saya rasa macam terseksa dalam tahaman.

### Kugiran Ben Puteh—Lima Merdu

Pada awal tahun 70an, saya mula bekerja bersama-sama dengan anak-anak Booty (Kasmah Booty). Kumpulan Booty Boys ini membuat pertunjukan di pesta-pesta (*fun fairs*) di seluruh Negara. Saya bersama kumpulan itu menjejajah ke seluruh Malaysia. Setibanya saya di Kuantan, kebetulan P. Ramlee dan Saloma ada sebagai artis jemputan, jadi kumpulan saya terpaksa mengiringi lagu-lagu nyanyian mereka. Setelah habis persembahan, bapa saya memanggil saya dan memberitahu, "Nasir pulang ke Kuala Lumpur, di sana ada kelab yang hendakkan band."

Kumpulan Booty Boys ini diketuai sendiri oleh Pak Booty. Dengan kumpulan inipun saya tidak kekal lama. Kadang-kadang saya terfikir "Siapa yang tak betul, kumpulan ke atau diri saya sendiri?" Selepas itu saya beralih pula dengan kumpulan Pak Kojong (bapa kepada Yusni Jaffar). Ketika itu saya mendapat hanya RM30, makan minum dianggung oleh Pak Kojong. Di dalam kumpulan ini kita banyak memainkan lagu-lagu Inggeris dan kumpulan ini sangat digemari ramai. Dalam kumpulan ini selain saya bermain alat muzik, saya juga berlawak, dan berlakon.

Akhirnya saya pulang ke Kuala Lumpur dan bekerja di sebuah kelab malam di bangunan MARA. Kumpulan ini ialah kumpulan yang ditubuhkan oleh bapa sendiri dengan nama "Ben Puteh Lima Merdu". Saya agak tidak selesa dengan kumpulan itu, kerana lagu-lagu yang mereka dengarkan kebanyakannya adalah lagu-lagu lama, bukan lagu-lagu terkini, dan ini yang menyebabkan saya tidak

berminat. Saya sendiri ketika itu dengan rambut panjang hingga ke bahu, sedangkan yang lain berambut pendek malah ada yang tidak mempunyai rambut. Saya memang mengikut perkembangan muzik semasa dan sezaman dengan saya. Saya juga kurang senang kerana ahli-ahli kumpulannya semua tua-tua, sebaya dengan usia bapa saya. Saya hanya dapat bekerja dengan kumpulan bapa saya hanya untuk dua minggu sahaja. Akhirnya saya sendiri menubuhkan kumpulan yang saya namakan "Ben Ramlee". Saya bermain "side by side" dengan bapa saya, kerana dia juga turut serta dalam kumpulan itu. Dia bermain lagu-lagu evergreen sementara saya pula dengan lagu-lagu disko yang agak bising bunyinya.

Setelah sebulan kami bekerja di kelab itu, kami masih belum mendapat gaji. Pengurus kelab tersebut tidak mahu membayar gaji kami dan inilah menyebabkan bapa saya marah dan memberi amaran kepada pengurus itu. Akhirnya pengurus terpaksa membayar gaji kami, tetapi hanya separuh sahaja.

Sejak dari hari itu saya mula bergaul dengan berbagai-bagai kumpulan dan akhirnya saya mendapat tawaran bermain di Merlin Hotel. Hendak dijadikan cerita, pada satu hari sahabat bapa saya pemuzik terkenal Ahmad Wan Yet datang ke rumah kami, kebetulan Ahmad Wan Yet sedang mencari seorang pemain bass untuk bermain di Hotel Merlin. Bapa saya pun dengan yakin telah merekomenkan saya untuk bekerja dengan Ahmad Wan Yet. Pada mulanya saya dapat melihat yang Ahmad Wan Yet seolah-olah tidak dipercayai kebolehan saya, tetapi kerana dia kawan bapa saya, mungkin dia terpaksa

mengambil saya. Dia biasa bekerja dengan bapa saya semasa di studio Jalan Ampas. Pada mulanya saya merasa gementar, maktumlah sebuah hotel besar dan terkenal, takut-takut tak diterimanya, tetapi saya cekalkan hati. Pada jam dua petang dengan ditemani bapa saya bersama mama (Saloma), kami terus pergi untuk temuduga dengan membawa gitar sendiri. Sesampainya kami, saya nampak Ahmad Wan Yet sedang menunggu kami dengan pemuzik-muzik yang lain. Dengan tidak bertengah, saya diberi beberapa muzik sheet dan kami pun bermain lagu-lagu itu. Dalam hati berkata, "Ai, senang betul lagu ni" tak ada masalah. Saya beruntung kerana boleh membaca nota-nota muzik secara profesional. Setelah itu kami duduk di Coffee House untuk berbincang.

Dan akhirnya saya diterima bekerja di tempat itu. Pada tahun 1971 bermulalah kisah hidup saya sebagai pemain muzik di hotel terkenal Merlin dengan gaji sebanyak \$1500 ringgit. Saya diberi bilik untuk tinggal sementara di hotel itu. Cuba bayangkan ketika itu seribu lima ratus ringgit memang amat lumayan dan dapat tinggal di hotel tanpa bayaran pula. Gaji pertama yang saya terima, saya beri sebagai hadiah kepada bapa sebanyak RM50, dan kepada mama juga sebanyak RM50. Kemudian saya mengajar mereka semua makan di luar. Kepada adik-adik saya beri RM10 seorang dan manakala nenek yang bekerja di rumah saya beri RM20. Wah bukan main bangga sekali bapa saya ketika itu, habis diceritakan kepada semua kawan-kawan di studio. Maktumlah anak pertama dan gaji pertama diberi kepadanya.

Sejak dari hari itu saya bekerja dengan tekun, sehingga mendapat gelaran pemain muzik muda yang terbaik. Sekiranya ada artis-artis atau pemuzik-pemuzik dari luar datang, penganjur akan mencari saya untuk menjadi pemuzik iringan.

Ketika bekerja di hotel tersebut, saya mendapat sebuah bilik, dan jika kepingin hendak makan masakan nenek, saya akan pulang ke rumah.

### **Saya sentiasa di dalam kesempitan**

Satu tabiat saya susah nak berjimat, apa yang dapat cepat sangat habisnya. Begitu juga dengan gaji bulanan, sekejap-sekejap sudah habis. Pada satu hari, kerana saya kekurangan wang, saya meminta pinjaman daripada bapa sebanyak tiga ribu ringgit sahaja, kerana ingin hendak membeli gitar baru yang berharga kira-kira RM4,800. Bapa saya tidak banyak soal, hanya dia beritahu saya esok datang ambil wang, saya pun terus pulang dengan hati yang lega dan gembira kerana esoknya tentu saya dapat gitar baru yang saya idam-idamkan.

Pada keesokan harinya dengan hati lapang dan berharap sangat dengan wang yang dijanjikan itu, saya pun terus ke rumah bapa saya. Saya memang berharap sangat kerana janji yang telah dibuatnya. Sesampainya sahaja saya di hadapan pintu rumah, dengan suara keras bapa saya terus memarahi saya dan menyuruh saya mencari duit sendiri. Saya agak kebingungan, semalam kata O.K., tetapi tiba-tiba

hari ini macam singa garangnya, tetapi saya masih mendiamkan diri, tak berkata sepatah pun. Seketika itu, saya terus ke dalam dan mengadu kepada mama. Mama meminta maaf kerana bapa memarahi saya cara demikian, sebenarnya kata mama, "Bapa Nasir tak ada duit". Setelah saya makan, saya pun terus keluar, sesampainya saya di pintu, barulah saya lepaskan geram kepada bapa saya dengan berkata, "Daddy, next time, kalau tak ada wang, jangan suruh Nasir datang, jangan buang masa Nasir sahaja." Bapa menjawab dengan meninggikan suaranya, "Aaa! *Shut up you.*" Saya dengan cepat menjawab, "*You shut up*, jangan jerit-jerit, I malu tau!" dengan tidak menoleh lagi saya terus meninggalkan rumah.

### Rasa kesal dan sedih

Sejak hari itu, saya tidak lagi datang ke rumah bapa saya, dan saya terus bekerja, kerana merajuk. Pada satu malam, seorang pelayan tempat saya bekerja datang, ketika itu saya dan rakan-rakan pemuzik sedang seronok bermain muzik di atas pentas di Merlin Hotel. Pelayan itu memberitahu, yang dia terrampak bapa saya bersama kawan-kawannya sedang makan dan minum. Dengan serta merta saya memberi tahu pelayan itu, "Bilinya bawa ke sini, biar saya yang membayarnya". Walau bagaimanapun saya kecewa dan marah kepadanya, tetapi malam itu saya berasa bangga kerana dia dapat melihat anaknya bermain muzik di situ. Di sinilah timbul rasa sedih dan kesal dengan perbuatan saya yang lalu.

### Peperangan dalam rumah tangga

Peperangan yang saya maksudkan ialah pertengkaran dan perselisihan faham antara Daddy dengan Mama. Kejadian ini sering berlaku, seperti yang terdapat dalam lagu ciptaan bapa saya "Sedangkan Lidah Lagi Tergigit". Apabila kedua-duanya tidak bertegur sapa, maka sayalah yang merasa beruntung. Cara mereka berperang agak unik, mereka tidak akan bertegur antara satu sama lain hingga kadang-kadang hampir seminggu. Masing-masing 'besar kepala' macam kata M. Zain dalam filem *Seniman Bujang Lapok*, "Ttu batu besar ada duduk atas dia punya kepala" kedua-duanya menanti siapa yang harus menegur dahulu. Lucu juga gaya mereka bergaduh. Jadi sayalah yang akan menjadi orang tengah sebagai perantaraan mereka berdua. Satu yang saya suka tengok mereka bergaduh, kerana setiap kali saya dipanggil oleh kedua-duanya, saya akan diupah seringgiti tiap seorang.

Sekiranya bapa saya mencari sesuatu seperti kain, baju atau apa sahaja, selalunya mama akan mencarikannya, jadi bila musim peperangan, bapa akan memanggil saya supaya bertanyakan mama di mana barang yang dicarinya itu, dengan demikian saya diberi upah satu ringgit oleh bapa. Begitu juga dengan mama, dia akan memanggil saya untuk bertanyakan sesuatu kepada bapa, dan mama juga akan memberi saya upah satu ringgit. Bayangkanlah, kalau dalam satu hari mereka menyuruh saya sebanyak sepuluh kali, sudah tentu saya akan mendapat ganjaran RM20, kaya! kaya! ... Saya kaya! Tetapi kadang-kadang saya kasihan melihat bapa saya, hidungnya tidak pernah senang, dia

membuat cerita untuk orang ketawa, tetapi dia sendiri menangis di dalam rumahnya, tiada siapa yang tahu.

### Pijak Badan

Tabiat bapa saya, lebih-lebih lagi kalau ada masalah di studio, dia akan menyuruh saya memijak badannya. Kalau di Singapura, orang yang akan memijak dan mengurutnya ialah Mr Singh. Di Kuala Lumpur sayalah jadi mangsanya, setiap kali dia pulang dari studio Merdeka dengan masalah, maka saya akan disuruh memijak badannya. Saya akan memijak seluruh badannya dan kadang-kadang berjiam-jam lamanya. Adakalanya sampai dia tertidur, barulah saya beredar, dan kadang-kadang saya pura-pura menangis, maka barulah disuruh berhenti. Itulah tabiat P. Ramlee bapa saya.

### Berikam lidah kerana lagu

Saya dan bapa kalau berbual sering berbahasa Inggeris, memang sudah menjadi kebiasaan sejak di Singapura lagi. Tetapi kalau berbahasa Melayu cara Singapura, kami akan menggunakan "Gua" dan "Lu". Pada satu hari sedang kami berbual-bual kosong, saya menyindirnya dengan berkata, "Kenapa Lu suka buat lagu bertemakan cinta, nama perempuan, nama-nama bunga? Gua tak minatlah". Tiba-tiba dia naik radang dan meninggikan suaranya. "Kalau Lu nak tahu ada tiga sebab: Pertama Gua punya

suka, kedua Lulah anak yang tak guna, yang tak menghargai ciptaan bapa sendiri. Yang ketiga Kalau Gua mati nanti, barulah Lu tahu betapa klasiknya ciptaan lagu-lagu P. Ramlee, apa punya anak, berjuta orang suka lagu aku, anak sendiri pula mencera kita".

Memang betul kata-kata bapa saya. Sekarang apabila saya membuat semula atau menyusun semula lagu-lagu ciptaannya, barulah saya sedar akan keunikannya lagu-lagu ciptaan beliau. Melodinya sungguh merdu, sehingga menyusuk kalbu, gubahan dan "chord-chordnya" pula sangat "advance" adakala chord yang digunakan dulu sehingga hari ini kita pakai. "P. Ramlee, Lu betul-betul handal, Gua tabik Lu!"

### Bapa menangis

Bapa saya sering berduka, perasaannya tidak pernah diluahkan kepada sesiapa pun, kadang-kadang dia duduk termenung dan saya dapat melihat kedua matanya bergenang dengan air mata seolah-olah ada sesuatu yang terpendam di hatinya. Pada satu malam, ketika Mama tidak ada di rumah, kerana bekerja sebagai penyanyi di Kelab malam di Bangkok, saya pernah bertanya, "Tidakkah Daddy merasa sunyi bila Mama tak ada?" Dia menjawab, "Terlalu sunyi." Saya dapat rasakan kesunyian yang Daddy alami. Jadi kami terus berbual, perbualan itu khusus mengenai diri saya dengan beliau. Saya tak menyangka yang perbualan itu membuatkan dia lebih bersehati.

Sewaktu saya duduk di sebelahnya, saya bertanya dengan jujur dan bersahaja, "Daddy! Kalaulah Daddy tak ada di dunia ini lagi, ke mana Nasir nak pergi?" Daddy hanya mendiamkan diri tanpa menjawab sepeatah pun, dia hanya merenung muka saya dengan wajahnya yang murung. Saya bertanya lagi, "Kenapa Nasir tak ada adik-beradik lain, kalau ada kan bagus?". Dia masih diam, hanya air matanya yang mula berlinang. Saya terus memeluknya. Kemudian baru dia bersuara, "Nasir jangan bimbang, Daddy akan hidup seribu tahun lagi." Saya terus menjawab, "Mana ada orang hidup sampai seribu tahun lagi Daddy". Dia hanya memendekkan perbualan dengan berkata, "Sudahlah! Sekarang Nasir pergi salin pakaian, jom kita pergi makan mee goreng".

Saya pun terus pergi mandi, dan setelah itu kami terus ke sebuah warung di Jalan Pekeliling. Sesampainya kami di situ, Mamak mee tu memang sudah tahu kesukaan bapa saya.

### **Belajar nyanyi secara harmoni**

Ketika di Singapura bapa saya melatih beberapa rakan rapatnya seperti Ahmad C, Kassim Masdor, Normadiah, Aziz Jaffar, Ahmad Daud dan Saloma dalam nyanyian secara "Harmoni". Ini terbukti dengan tertubuhnya kumpulan Panca Sitar. Mereka semua memang boleh menyanyi secara profesional.

Sewaktu di studio Merdeka, Kuala Lumpur, beliau tidak mempunyai ramai penyanyi yang boleh bersamanya berlatih menyanyi dengan suara harmoni. Dia agak garang dan tegas apabila mengajar menyanyi, lebih-lebih lagi dengan suara harmoni, dia mahu semuanya sempurna. Saya biasanya bermain bass besar manakala Daddy pula bermain piano. Sewaktu Mama menyanyi solo, saya dan Daddy akan menyanyi suara dua dan tiga secara harmoni. Kami biasanya berlatih sebelum rakaman dibuat. Saya sering membuat salah, kerana ketika itu saya belum terlatih dengan menyanyi secara harmoni, lebih-lebih lagi waktu itu tumpuan saya asyik ingat hendak main sahaja, tidak serius terhadap latihan tersebut. Daddy sering mendenda saya jika saya membuat salah. Dendanya agak ringan, samada mencuci dua buah kereta, atau dikurung dalam bilik, dan yang paling saya tidak gemar ialah bila disuruh memijak badannya. Malu tidak mau terpaksa saya menurut apa yang disuruhnya.

Kalau di studio Merdeka dia akan mendapatkan beberapa penyanyi yang tidak begitu profesional untuk dilatih menyanyi harmoni, kerana itulah dia tidak banyak menghasilkan lagu-lagu yang berbentuk demikian seperti ketika beliau di Singapura dengan kumpulan Panca Sitaranya.

### **Kebahagiaan duduk sebumbung**

Sejak saya dibawa pulang dari Pulau Pinang ke Singapura, hidup kami sekeluarga boleh dikatakan ceria dan amat

bahagia, saling faham memahami antara satu sama lain. Bapa saya sentiasa sibuk dengan kerja-kerjanya di studio, sementara ibu tiri yang pertama Noorizan pula sibuk dengan kerja-kerja rumah dan mengamalkan disiplin yang amat ketat. Semasa tinggal di Yarrow Garden Siglap Singapura, ibu tiri Noorizan memang mengambil berat tentang urusan pertabadi bapa. Cuma kadang-kala bapa saya merasakan seperti dikongkong. Saya masih ingat beberapa adik-beradik angkat saya yang tinggal sebumbung dengan kami, antaranya kakak Normal, adik saya Betty, dan Sazali. Sazali merupakan anak manja bapa saya, kerana itulah kami tidak boleh menyakiti dan menyalahkan dia, walaupun dia sering berkelakuan nakal. Ibu tiri ku Noorizan juga amat menyayangi kesemua anak-anak tirinya, malah dia tidak memilih kasih, semuanya dilayan sama rata, walaupun bapa saya kadang-kala bersikap pilih kasih terhadap Sazali.

Ketika kami tinggal di Yarrow Garden Siglap Singapura, pemandu kereta Holden hijau bapa saya ialah bapa mertua Omar Suwita, iaitu Wak Kimen namanya. Beliaulah yang membawa bapa saya dari rumah ke studio Jalan Ampas di Jalan Balestier, dan selepas "shooting" sebelah petang pakcik driver ini akan membawa bapa saya pulang ke rumah. Waktu itu semua adik beradik saya masih kecil, jadi tidak banyak masalah yang timbul.

Setelah beberapa tahun di Yarrow Garden Siglap, akhirnya kami berpindah ke MacPherson road, dan menduduki rumah teres dua tingkat. Di sini juga kehidupan kami aman damai pada mulanya. Sewaktu menetap di situ bapa saya mempunyai pemandu yang baru bernama Pak Hamdi dan isterinya Kak Salmah. Mereka suami isteri

tinggal dengan kami di sebuah bilik yang di sediakan terletak berhampiran dengan dapur. Pak Hamdi merupakan kawan lama bapa saya. Menurut cerita daripada kawan-kawan bapa saya, Pak Hamdi ini berketurunan orang Bawean, dan dia pernah menolong bapa saya ketika sama-sama bujang dahulu semasa beliau menumpang tinggal di salah sebuah pondok Bawean. Walaupun dia merupakan pemandu kami, tetapi bapa saya tidak menganggapnya sebagai pemandu, malah sebagai kawan biasa. Mereka sering bergurau, dan kadang-kadang Pak Hamdi pernah juga menasihati kami semua termasuk bapa saya jika timbul satu-satu masalah. Selain daripada menghantar bapa saya ke studio dan mengambilnya pulang dari studio, ada ketikanya juga Pak Hamdi terpaksa bekerja malam, sekiranya bapa saya mempunyai program sebelah malam.

### **Masalah bermula di MacPherson Road**

Berbagai-bagai masalah mula timbul semasa kami tinggal di MacPherson Road, kerana di rumah inilah suasana rumah tangga bapa telah mula diganggu dan dicemarkan oleh orang-orang yang sengaja membuat angkara dan cuba mengadu-dumbakan suasana ceria dan harmoni keluarga kami. Walaupun ketika itu saya masih belum begitu matang, tetapi dari gerak geri mereka yang sumbang sudah dapat saya faham, dan bapa saya adalah manusia yang terlalu jujur, dia mudah percaya kepada orang, dan kadang-kadang dia tidak hiraukan sangat cemunhan dan hasutan orang



kepadanya, dia selalu berpegang kepada takdir, kalau dah terjadi, itu takdir katanya.

Bapa saya pernah menjadi tuan punya penerbitan sebuah majalah, namanya Majalah *Gelanggang Filem*. Pada awalnya dia menyerahkan pengurusan syarikat itu kepada rakannya iaitu saudara Rahman B. Pejabatnya ketika itu terletak di Rangoon Road bersebelahan dengan kuil Buddha. Kemudiannya Rahman B tidak dapat menuskan tugasnya lagi, tempatnya pula diganti oleh seseorang yang boleh dianggap penasihatnya iaitu Pakcik Abdullah Hussein (Sasterawan Negara), bapa saya memanggilnya "Cik Lah". Beliau adalah seorang wartawan dan penulis terkenal, seorang sasterawan dan pemikir khususnya mengenai bahasa dan sastera. Dia dilantik sebagai ketua pengarang, di bawahnya terdapat beberapa orang penulis antaranya Aimi Jarr, A.S. Amin, Masnawi, dan M. Osman serta beberapa yang lain. Pegawai penasarannya ialah saudara Kamal. Saya masih ingat jurugambarnya ialah saudara Zainal. Majalah ini sangat laris dan menjadi bacaan ramai peminat filem khususnya. Mereka sering ke rumah kami berbincang dengan bapa saya sehingga lewat malam. Pejabatnya kemudian berpindah ke Tembeling Road, tidak jauh dengan rumah Hamidah gadis Arab yang menjadi pujaan bapa saya ketika itu.

Setelah beberapa lama Cik Lah memimpin *Gelanggang Filem*, tiba-tiba Cik Lah terpaksa berpindah ke Kuala Lumpur untuk meneruskan kerjayanya di sana. Waktu inilah saya dapat bapa saya agak sedih dan susah hati, kerana orang yang dipercayainya selama ini akan meninggalkannya. Walau bagaimanapun, dia tidak dapat

menahannya, kerana itu adalah rezeki Cik Lah. Akhirnya tempat beliau diserahkan kepada pakcik saya Ahmad Rejab atau lebih terkenal dengan panggilan Ahmad Joko berasal dari Pulau Pinang. Beliau ialah seorang pemuzik dan merupakan peniup saxophone.

Sementara pengarang-pengarangnya ialah Aimi Jarr, A.S. Amin, Masnawi dan lain-lain.

Pakcik saya ini tidaklah sehebat Cik Lah, kerana beliau bukan pengarang dan bukan pula "Businessman", dia hanya menjalankan tugas sebagai pengurus pejabat. Mulai dari saat inilah timbul beberapa masalah di dalam *Gelanggang Filem*. Saya mendapat tahu daripada bapa saya, setelah diberitahu oleh pakcik saya yang syarikat semakin teruk menanggung hutang. Bagaimana boleh terjadi, majalah laku, duit tak ada, bapa saya sudah mula bosan dan sering merungut di rumah.

Saya masih teringat satu peristiwa Aimi Jarr datang ke rumah saya di MacPherson Road pada sebelah malam bersama Cikgu Yusnor. Ketika itu bapa saya bersama Kassim Masdor dan beberapa orang lain sedang berbincang tentang lagu-lagu Panca Sitara. Apabila Aimi Jarr sampai, bapa saya terus bertanya Aimi Jarr mengapa dia meletakkan gambar Cliff Richard dengan tajuk "Cliff Richard bercium dengan Sarah Abdullah" di muka hadapan. Mengikuti kata bapa saya, kita terpaksa menarik balik keluaran hari itu, kerana seorang peguam kawan bapa saya dari Johor, menasihatkan dia supaya gambar dan kata-kata itu diganti dengan gambar lain. Jika tidak pihak yang berkenaan boleh

menyaman malu kepada *Gelanggan Filem*. Akhirnya apa yang saya tahu, keluaran itu diganti.

### Perceraian berlaku di MacPherson Road

Satu peristiwa yang amat menyedihkan dalam hidup saya apabila bapa saya berpisah (bercerai) dengan ibu tiri saya yang amat saya sayangi, Noorizan. Saya sendiri tidak mengetahui secara jelas punca perceraian tersebut, malah saya dan adik-adik semua agak terkejut dan terasa bagaikan mimpi bila ianya berlaku, pada hal mereka saling mengasihi dan menyintai antara satu sama lain, tetapi mengapa perkara ini berlaku, hanya Allah sahaja yang tahu. Setelah saya dewasa, saya mendapat tahu dari sumber-sumber dan kawan-kawan bapa saya yang boleh dipercayai, mengatakan ada pihak ketiga yang membuat angkara di dalam keharmonian rumah tangga bapa saya, betul atau tidak hanya Allah sahaja yang tahu di mana kebenarannya, pada saya, "Bertepuk tangan sebelah tidak akan berbunyi".

Setelah bercerai, bapa saya pada mulanya agak muram, sedih dan seolah-olah kesal dengan perbuatan yang dilakukan oleh Noorizan. Pernah saya bertanya kepadanya, "Daddy, mengapa mami sanggup meninggalkan Daddy?" dia menjawab dengan tenang sambil memandang muka saya, "Nasir belum tahu erti hidup, salah dan silap, Allah sahaja yang boleh memaafkan, selain daripada manusia itu sendiri memaafkannya" dan saya hanya menundukkan kepala sahaja. Walaupun mereka dah bercerai, namun

hubungan saya dengan Noorizan masih baik dan kami sering bertanya khabar.

### Bagaimana peristiwa perceraian

Bapa saya mengambil keputusan yang agak memeranjatkan untuk menceraikan Noorizan. Saya masih ingat ketika dia marah dan mendiamkan diri, dia memberitahu Noorizan, "Hari ini I nak ceraikan you, siap lekas." Noorizan agak terkejut dan cuba memohon maaf. Bapa saya tidak menghiraukannya. Noorizan meminta saya memujuk bapa saya, baru sahaja saya nak sampaikan kata-kata Noorizan, "Daddy, Mami minta maaf". Dengan suara yang keras dan amat marah dia menjawab, "Shut-up you."

Kemudian dia menelefon Pak Yusof B, Pak Osman Ahmad dan beberapa orang yang dia anggap sebagai penasihatnya. Kemudian kami terus ke studio Jalan Ampas, dia membawa saya dan pakcik-pakcik yang lain untuk membuktikan apa yang saya tahu.

Cuma satu kata-kata bapa saya yang terakhir dia ucapkan pada Noorizan yang masih saya ingat iaitu, "Noreh! (Nana panggilan bapa saya kepada Noorizan) you ingat tak, semasa I ambil you I terpaksa menyembah you sebagai kerabat diraja, dan sekarang pun I akan sembah you setelah I ceraikan you." Rupanya kata-kata itu bukan gurauan, kerana setelah dia bercerai, dia masih mengambil Noorizan untuk membawa watak sebagai permaisuri Pasir Berdengung dalam filem *Laksamana Do Re Mi*, dan di

situlah dia mengangkat sembah kepada seorang permaisuri di dalam cerita itu.

### Bapa tidak berdentam

Sejak dari studio di Jalan Ampas, bukan semua pelakon, terutama pelakon terkenal yang suka kepada P. Ramlee, ada yang berpura-pura baik di hadapan, di belakang lain, ada yang mengutuk dan menifmah. Semuanya dia tahu, tetapi dia pura-pura tak tahu, dia masih berbuat baik dan melayan mereka semua dengan mesra. Malah mereka sering dipelawanya dan diberi watak di dalam sesebuah filem arahnya. Sebagai contoh saya sendiri pernah mendengar kata-kata S. Kadarisman di hadapan saya sendiri apabila dia terpilih membintangi filem *Tiga Abdul*. Dia pernah berkata, "Aku pelik dan hairan manusia Ramlee ni, aku kutuk dia, tapi dia masih pilih aku berlakon dalam filem dia, memang luar biasa orangnya".

Saya pernah bertanya kepada bapa saya, "Daddy, ramai juga uncle-uncle di studio yang tak suka Daddy, tapi Daddy selalu ambil mereka dalam filem Daddy". Dia menjawab secara sepotong, "Mereka tak suka Daddy, tapi Daddy suka mereka, yang dia tak sukakan Daddy tu, biarlah dia jawab dengan Tuhan". Saya terkejut dengan jawapan itu.

Dari situlah saya belajar sesuatu yang saya harus jadikan panduan dalam hidup saya.

### Kejutan Peristiwa di Jalan Bunga Kantan-Setapak

Kami tinggal di Jalan Bunga Kantan Setapak atau Taman Furlong bersama bapa, Mama Saloma, Rami kecil, Normah, Betty, Sazali, abang Ngah dan seorang nenek tua sebagai penjaga rumah yang menjaga kami semua. Nenek juga memasak dan membantu abang Ngah. Bapa saya setiap hari akan ke studio Merdeka, kadang-kadang pulang lewat malam. Satu resmi bapa saya ialah suka bersembang. Kalau dah habis "shooting" pun, kadang-kadang duduk di kedai kopi dan bersembang dengan kawan-kawannya. Pernah dia memberi tahu kami, bila duduk bersembang perkara-perkara yang betul beliau banyak mendapat idea dari situ.

Saya masih ingat setelah beberapa minggu kami pindah ke sini, tiba-tiba suatu pagi terpegat di muka pintu rumah kami Cikgu tuisyen saya iaitu Cikgu Mat Nor. Kami mempelawanya masuk, dan saling bertanya khabar, kerana kami telah terpisah dengan beliau setelah kami berpindah ke Kuala Lumpur.

Sebentar kemudian, bapa saya pun bangun dan ternampak Cikgu Mat Nor, bapa saya terus menegurnya, "Eh! Bila kau sampai, kau naik apa?" Cikgu Mat Nor dengan ceria bersalam dan menjawab, "Naik teksi bang." Bapa saya bertanya lagi, "Kau dapat cari rumah ni?" Cikgu Mat Nor dengan tersengih menjawab, "Tanya teksi rumah P. Ramlee, semua orang tahu bang." "O.K. minum dulu, lepas tu ikut abang pergi studio." Saya nampak muka cikgu saya bukan main "happy" agaknya kerana dah lama tak bertemu

bapa saya. Kami terus berbual-bual dengan dia sehingga bapa saya membawanya ke studio.

Ketika kami tinggal di simlah, ramai kawan-kawan malah orang-orang yang ingin jumpa bapa saya sering datang untuk bertemu dengannya. Antaranya termasuklah Pakcik Osman Abadi. Filem pertama arahan bapa di studio Merdeka ialah *Si Tora Harimanu Jadian*. Kemudian diikuti dengan berbagai-bagai filem lagi seperti *Kancan Tirana*, di mana Jins Shamsudin menjadi hero kedua.

Ramai juga orang-orang dari berbagai-bagai persatuan yang datang untuk meminta bantuan dalam berbagai-bagai projek yang mereka rancangkan, biasanya bapa saya selalu saja menyampaikan hajat mereka. Satu daripada sifat bapa saya yang sering saya perhatikan dan saya kagumi, ialah dia tidak pernah menolak sebarang permohonan daripada sesiapa yang meminta tolong daripadanya. Bukan sahaja pertolongan dari segi moral atau nasihat malahan wang ringgit. Dia tidak pernah mengecewakan sesiapa yang datang kepadanya, terutama yang datang dari Pulau Pinang tempat lahirnya.

### Rombongan drama dari Singapura

Setelah beberapa lama Cikgu Mat Nor menghilangkan diri, tiba-tiba pada satu malam beliau datang bersama satu rombongan drama dari Singapura. Dalam rombongan tersebut terdapat Pakcik Mustafah Yassin pengarah seni dari

studio Jalan Ampas, dan Pakcik Kassim Masdor seorang komposer juga murid bapa saya dalam bidang muzik.

Malam itu rombongan drama Singapura itu membuat latihan di hadapan bapa saya, dengan judul ceritanya "Senja Merah" tulisan wartawan di Singapura Shukor Haron dan diarahkan oleh cikgu saya Cikgu Mat Nor atau Yusnor Ef.

Walaupun saya tidak terlibat, namun saya masih ingat bagaimana bapa saya memperbaiki beberapa lakonan yang dilakukan oleh pelakon-pelakon pentas itu. Bapa saya juga amat gembira kerana dapat bertemu teman lamanya Pakcik Mustafah Yassin.

Mula-mula kami tiba di Kuala Lumpur, ada juga beberapa filem arahan bapa saya yang saya turut berlakon, ianya adalah kerana didesak oleh bapa saya.

Sejak itu ramai pengarah filem yang memanggil saya untuk mengambil bahagian kecil-kecilan di dalam filem mereka. Ada satu ketika selepas saya "shooting" sebuah filem bukan arahan bapa saya, Chief Extra yang biasanya membayar wang kepada pelakon extra setelah "shooting" selesai, tetapi pada hari itu saya dibayar separuh sahaja, chief extra telah memotong gaji saya. Ketika pulang, di dalam kereta bapa saya bertanya "Dah dapat duit shooting?". "Sudah," saya jawab. "Berapa?" tanya bapa lagi, "Separuh saja, kerana chief extra potong". Bapa saya dengan tidak berkata apa-apa, dia terus membelok kereta dan kembali ke studio, sesampainya di studio, kebetulan chief extra masih berada di situ, bapa saya terus memanggil chief extra dan berkata "Oi! Hai dut anak aku pun kau nak potong?" Chief extra tadi dengan gugup terus berkata,

“Sorry boss! Sorry!” dan terus dia mengembalikan duit yang sebahagian lagi itu kepada saya. Saya hanya ketawa sahaja. Dalam hati saya berkata, “Nasib baik bapa aku tanya, kalau tidak lesap disapa oleh chief extra”.

### Harapkan pagar, pagar makan padi

Kehidupan kami semasa di Kuala Lumpur memang seronok, bapa saya sibuk dengan kerjanya di studio, dan kami di rumah dengan hal masing-masing, dengan bantuan dua pembantu rumah, iaitu abang Ngah yang bersama kami sejak dari Singapura dan nenek yang kami anggap orang paling tua di dalam keluarga kami. Perkara yang tidak pernah terlintas dan terfikir di kepala kami, lebih-lebih lagi bapa saya, rupa-rupanya ianya berlaku dengan sekelip mata, dan amat memeranjatkan.

Pada satu malam sedang kami duduk bersembang, saya lihat kakak saya Normah seolah-olah tidak senang duduk, sekejap masuk, sekejap keluar. Sesekali dia memandang ke arah saya dan yang lainnya. Saya tidak terfikir apa-apa, sementara abang Ngah pula sibuk berkemas untuk pulang ke kampungnya. Tiba-tiba saya melihat Normah turut mengemas baju-bajunya dan memasukkannya ke dalam beg. Saya terus bertanya, “Kak Normah hendak ke mana ni?” dia menjawab sambil menundukkan kepalanya “Hendak bermalam di rumah kawan di Ampang.”

Hati saya mula khuatir dan memikirkan sesuatu yang tidak elok. Saya terus bertanya kepada adik saya Betty, dia

tidak menjawab hanya menangis. Saya semakin hairan, tetapi cuba mendiamkan diri. Abang Ngah memang akan pulang ke kampungnya esok pagi ke Beserah, tetapi saya tidak mengesyaki apa-apa. Malam itu Normah pergi bersendirian ke rumah kawannya di Ampang. Dia keluar dengan selamba seolah-olah tidak ada apa-apa yang berlaku, cuma dia sempat menoleh beberapa kali melihat rumah kami yang pernah dia diami itu.

Pada keesokan harinya abang Ngah pula pergi dengan agak tergesa-gesa, dia hanya mengucapkan selamat tinggal dan terus keluar dengan membawa begnya. Pada sebelah malamnya setelah bapaku pulang dari studio, dia kelihatan gusar dan agak gelisah. Dia bertanya nenek pembantu rumah mengapa Normah belum pulang-pulang lagi. Nenek agak tergamam dan memberitahu yang saya tentu tahu ke mana Normah pergi.

Saya bertambah resah, kerana tidak tahu apa yang hendak dijawab, kerana bapa saya memang tidak benarkan anak-anaknya keluar meninggalkan rumah tanpa izinya. Dia tidak mahu anak-anaknya merayu-rayau dan tidur di rumah orang sehingga tidak pulang rumah. Setelah saya terangkan, dia hanya mendiamkan diri. Selepas itu dia bersuara dalam nada yang biasa, “Besok kalau dia pulang suruh jumpa Daddy.”

Sejak hari itu Normah yang kami sayang dan sering berbual mesra dengannya, akhirnya pergi dan tidak pernah kembali lagi. Betty juga rupanya telah membuat rancangan untuk mengikuti jejak Normah. Akhirnya dia juga meninggalkan rumah. Setelah disiasat kami mendapati

rupanya Normah telah berjani untuk menunggu abang Ngah di stesen bas dan mengikutnya ke Kuantan dan akhirnya mereka berkahwin. Ketika berita ini sampai kepada bapa saya, dia begitu marah dan mengingatkan kami supaya jangan cuba memujuk dan memanggilnya pulang. Bapa berkata, kalau betul-betul Ngah sukakan Normah, kenapa tidak berterus terang saja.

Sejak itu bapa saya kelihatan muram dan sedih sahaja, kerana dia tidak sangka perkara-perkara demikian berlaku di dalam rumah tangganya. Dia amat kesal dan amat tersentuh dengan peristiwa yang berlaku itu. Dia sangat menyayangi anak-anaknya, walaupun sebahagiannya adalah anak angkat.

Sejak peristiwa itu, saya dapat melihat kesedihan dan kegelisahan jelas di wajah bapa saya. Lebih-lebih lagi sewaktu bapa saya bersendirian apabila Mama terpaksa bekerja di luar negeri di Bangkok. Bapa saya walaupun mempunyai masalah, dia sentiasa senyum dan ketawa agar nampak ceria, dia tidak pernah tunjukkan perasaan sedihnya kepada orang lain.

### **Bertemu semula dengan Normah**

Setelah kejadian itu, saya meneruskan kerjaya saya sebagai pemain muzik. Saya sering ke merata pelusuk tanah air, kebetulan pada satu masa saya bersama Booty Boys bermain di satu Fun Fair di kawasan Pekan negeri Pahang. Kami menginap di sebuah hotel. Dengan tidak

disangka-sangka pada satu malam kak Normah yang meninggalkan rumah tempoh hari, tiba-tiba muncul di hotel, tempat penginapan saya. Saya amat terkejut dan semacam bermimpi, kerana wajah kak Normah yang begitu cantik, berkulit putih dan halus seperti anak Jepun, tiba-tiba bertukar wajah sebagai seorang yang tidak terurus dengan wajahnya agak hitam dan kusut-masai. Dia terus menangis dan memeluk saya sambil menceritakan kisah sebenarnya yang berlaku ke atas dirinya sejak dia meninggalkan rumah.

Kisahanya sungguh sedih, saya membawanya minuman di Coffee House di situ, dan kak Normah menceritakan kisah seterusnya. Setelah dia mengikut abang Ngah ke Terengganu hidup mereka agak terseksa. Dia terpaksa membuat keropok dan menjualnya untuk menyara hidupnya dan seorang anak yang ditinggalkan sendirian oleh suaminya. Apabila saya mempelawanya untuk pulang ke Kuala Lumpur, dia mulanya hanya mendiamkan diri dan tunduk menangis tanpa jawapan, kemudian dia terus meninggalkan saya. Harapan saya hampa.

Selang beberapa hari, ketika kami berkemas-kemas untuk berangkat ke Raub bagi meneruskan persembahan kami, tiba-tiba Kak Normah muncul sekali lagi dan kali ini wajahnya agak ceria. Dia terus memberitahu saya yang dia telah mengambil keputusan untuk mengikut saya pulang ke Kuala Lumpur dengan syarat dia tidak mahu tinggal bersama kami lagi, tetapi dia ingin tinggal bersama-sama ibu angkat yang disayangi iaitu Noorizan. Apabila saya bertanya tentang abang Ngah, dia hanya memberitahu yang abang Ngah kini berada di Kelantan kerana ada urusan. Saya tidak hiraukan sangat pasal abang Ngah, cuma yang

saya harap agar Normah pulang ke Kuala Lumpur dan biarlah dia tinggal bersama-sama Noorizan. Pada mulanya, Noorizan amat marah terhadap Normah, tetapi saya cuba memujuk Noorizan, akhirnya Noorizan setuju menerimanya. Apa yang saya dengar selepas itu, Kak Normah telah mendapat pekerjaan dan berkahwin lagi, dan sejak dari berita itu, saya tidak lagi bertemu dengan Kak Normah sehingga kini, dan begitu juga dengan adik angkat saya Betty. Cuma saya berharap mudah-mudahan jika kedua-duanya masih hidup dan terbaca apa yang saya ceritakan di dalam buku ini, segeralah menghubungi saya, kerana saya sangat rindu pada mereka berdua.

### **Sabaruddin dan Zazaloma**

Ketika kami berpindah dari rumah Jalan Bunga Kantan ke Jalan Bunga Dedap yang kini menjadi Pustaka Peringatan P. Ramlee, bapa telah mengambil dua orang lagi anak angkat, iaitu Zazaloma (pangkat cucu saudara bapa saya, anak kepada Kak Joyah dan abang Ahmad Rejab (Ahmad Joko)) dan seorang lagi ialah Sabaruddin. Kini Zazaloma telah pun hidup bersendirian sementara Sabaruddin sejak kematian bapa saya terus membawa dirinya dengan caranya sendiri. Ketika bapa saya mengambil Sabaruddin, dia telah mengarahkan sebuah filem yang berjudul *Sabaruddin Tukang Kasut*.



Ibu saya Junaidah dan Arfan



Saya bersama ibu kandung saya Junaidah

BAPAKU P. RAMLEE

### **Betul atau tidak**

Setelah kematian bapa saya, bermacam-macam cerita yang saya dengar tentang hubungan mereka dengan P. Ramlee. Ada juga peminat yang fanatik sehingga apa sahaja yang dicakap orang mengenai P. Ramlee, jika tersilap atau tak betul, maka mereka sanggup bertengkar dan menyalahkan orang itu, bagi mereka seolah-olah P. Ramlee tidak pernah berbuat silap. Ada sesetengahnya pula berani mengadakan perkara-perkara yang tidak masuk di akal dan khurafat. Antara kisah yang pernah dikatakan kononnya kubur P. Ramlee beresap dan macam-macam lagi perkara karut yang disebarkan.

Yang paling mengejutkan saya ialah kononnya saya mempunyai seorang bernama Arfan adik yang telah mengikut Junaidah pulang ke Jakarta. Saya cuba mendapatkan pihak yang boleh mengesahkan sama ada perkara itu betul atau tidak. Akhirnya saya dapat pengakuan daripada Pakcik Salleh Ghani. Katanya, setelah Junaidah bercerai dengan P. Ramlee, Junaidah mengikut beliau membuat persembahan bergerak berama-sama rombongan bangsawan, dan dia nampak Junaidah mengandungi, jadi mustahil Arfan itu anak P. Ramlee. Wallahu'alam, hanya Tuhan sahaja yang mengetahuinya.

### **Jejak Kasih**

Kisah ini terjadi tanpa disangka-sangka, setelah saya berpisah dengan ibu kandung saya Junaidah, dan setelah



saya mendapat dua ibu tiri iaitu Noorizan dan Saloma, tidak terlintas lagi untuk bertemu Junaidah ibu kandung saya, lebih-lebih lagi bapa saya masih hidup dan tidak membenarkan saya bertemu. Tetapi dengan takdir Allah, setelah bapa saya meninggal dunia, saya mendapat peluang diatas jasa baik seorang sahabat untuk saya bersama seorang wartawan dan jurugambar ke Jakarta menemui Junaidah. Pada mulanya saya agak keberatan, kerana saya dibesarkan tanpa ibu kandung. Tetapi setelah dipujuk oleh sahabat saya itu, akhirnya saya bersetuju ke Jakarta. Saya meletakkan syarat kepada mereka yang hendak membawa saya ke Jakarta, supaya jangan cuba mengarahkan saya bergambar dengan Junaidah sesuka hati mereka. Saya tidak mahu menjadi "hipokrit" dan saya tidak mahu wartawan-wartawan di Jakarta membuat liputan yang bukan-bukan. Mereka akhirnya bersetuju.

Saya dibawa ke rumah Junaidah yang terletak di Martapura Road. Sesampainya saya di sana, Junaidah agak terpaku, beliau dengan serta merta memeluk saya dan menangis, saya hanya mendiamkan diri membalas pelukannya. Apabila dipeluk, mungkin dengan izin Allah, pelukan itu adalah dari seorang ibu yang mengandungkan saya dan melahirkan saya, jadi hubungan darah itu yang mungkin menguatkan rasa sentuhan batin saya ketika itu.

Saya diajak naik dan diperkenalkan kepada semua ahli keluarganya. Di sinilah saya bertemu dengan Arfan, kulinya gelap, rambutnya berkeriting seperti Negro, tubuhnya rendah seperti Junaidah dan kelihatannya tidak terurus.

Semasa di rumah Junaidah, saya dilayan seperti tetamu khas, sehingga saya merasa kekok dan tidak tahu apa yang hendak saya lakukan. Pada ketika itu saya terpaksa berpura-pura bahawa saya seronok berada di rumahnya. Hanya tiga hari saya dah mula merasa bosan dan saya minta izin untuk pulang. Kerana saya tidak pernah merasa kasih sayangnya sebagai seorang ibu, akhirnya Junaidah membenarkan saya pulang ke Kuala Lumpur.

Sebenarnya saya mempunyai seorang lagi abang yang berlainan bapa, bernama Bachok. Dia menetap di Singapura bersama saya tetapi hanya sementara sahaja. Bachok dan bapa tiri saya A. Harris bekerja sendiri, mereka menjalankan perniagaan "Panggung Bergerak". Mereka berdua akan masuk ke kampung-kampung pedalaman untuk menayangkan filem-filem Melayu Indonesia. Datuk saya, D. Harris, pelawak filem-filem Melayu dalam tahun-tahun 50an pernah saya jumpa semasa di Singapura. Dia sering berlawak berpasangan dengan bapa saya. Sejak dari hari itu, saya tidak lagi bertemu Junaidah sehingga beliau dan anaknya Arfan meninggal dunia.

### **Isteri dan anak-anak saya**

Apa yang berlaku di dalam hidup seseorang itu adalah penentuan Allah, kita sebagai manusia hanya boleh merancang, tetapi Allah yang menentukan segalanya. Jadi kita terpaksa menerima hakikat ini dan bersedia menghadapi apa sahaja cabaran, yang penting kita harus jujur dalam menjalani kehidupan. Bapa saya berkahwin

sebanyak tiga kali, isteri pertamanya, Junaidah ibu kandung saya, kedua ialah Noorizan dan yang terakhir ialah Saloma. Beliau hanya mempunyai anak tunggal iaitu saya, hasil perkongsian hidupnya dengan Junaidah. P. Ramlee tidak mempunyai anak kandung selain daripada saya, tetapi P. Ramlee mempunyai ramai anak-anak angkatnya, seperti Normah, Betty, Sazali, dan Sabaruddin (Badin), manakala anak tunggal Saloma dengan A.R. Tompel ialah Armali, sementara Dian adalah anak angkat Saloma. Setelah bapa saya kembali ke rahmatullah, dan diikuti pula oleh Saloma, maka hidup kami pun mulalah terpisah. Masing-masing membawa hala-tuju sendiri. Sazali berkahwin dan hidup dengan caranya yang tersendiri, Normah dan Betty pula menghilangkan diri entah ke mana saya pun tidak tahu. Sementara Badin atau Sabaruddin juga entah ke mana, puas dicari tetapi tak berjumpa. Armali, anak Saloma, telah meninggal dunia, dan kini hanya Dian yang sering kita lihat di kaca televisyen, kerana beliau mengikut jejak Saloma menjadi seorang pelakon dengan menggunakan nama Dian P. Ramlee. Saya juga telah berkahwin sebanyak tiga kali. Majlis perkahwinan pertama saya dengan Mariati Abdul Rahman, tidak direstui oleh bapa saya, dan hasil perkongsian hidup itu saya dikurniakan tiga orang anak, dua perempuan dan seorang lelaki.

### **Bapakku cemas dan gembira**

Sewaktu isteri pertama saya hendak melahirkan anak kami yang pertama di hospital, saya cekalkan hati menelefon

bapa saya dan memberitahu yang isteri saya hendak bersalin, saya agakkan tentu sekali dia akan marah dan tidak mahu mengambil tahu lagi. Rupa-rupanya apabila saya kembali ke hospital hendak melihat isteri saya, saya terkejut melihat bapa saya sudah berada di bilik hospital, keadaannya seperti cacing kepanasan, sekejap ke kiri sekejap ke kanan, dan kadang-kadang dia berjinjap doktor bertanya bila cucunya akan tiba. Di sini saya nampak yang bapa saya tidak sabar-sabar untuk menyambut cucunya yang pertama. Ini ternyata sewaktu doktor keluar dan memberitahunya yang dia sudah mendapat cucu perempuan, dengan tidak menghiraukan saya dan yang lain, dia terus menuju ke bilik untuk menemui cucunya. Dia mengambil dan mendukungnya, kemudian dia meminta izin doktor untuk diazankannya. P. Ramlee telah mengizinkan sendiri cucu pertamanya. Saya melihat air matanya berlinang dan memandang ke arah saya dengan berkata, "Bawa cucu aku balik ke rumah."

Apabila saya pulang dan membawa anak saya ke rumahnya, dia sempat mendukung dan mengagah-agah cucunya. Mungkin dalam hatinya berkata, "Inilah cucuku yang pertama," dan saya nampak air mukanya tenang dan ceria, maktumlah menimang cucu pertama. Nama anak-anak saya bersama isteri pertama saya ialah Gurlina, kedua Gurnawan dan yang ketiga Gurnarisaska.

Isteri saya yang kedua bernama Rashidah Jaffar. Kami mempunyai dua orang anak perempuan, iaitu Natasha dan Najwa. Manakala isteri saya yang ketiga dan sehingga kini masih lagi bersama saya bernama Suria Bakar. Hasil perkahwinan kami, saya dikurniakan dengan dua orang

anak lelaki, iaitu Zakariah Nasir, dan yang keduanya Zaidée Nasir. Semua yang saya terima ini adalah ketentuan Allah, walau bagaimanapun kesemua anak-anak itu adalah cucu P. Ramlee, ini tidak dapat dinafikan.

### Zaman kekecewaan bapa

Bermula pada tahun-tahun tujuh puluhan kegemilangan filem Melayu yang diterbitkan oleh Merdeka studio sudah mulai pudar dan merosot. Keadaan ini disebabkan kerana saingan hebat filem-filem dari luar negara dan juga peranan televisyen yang begitu menonjol. Karyawan filem dari Merdeka studio pula sudah kurang bertenaga. Dari tahun 70, bapa saya telah merasakan yang dia sudah tidak diberi perhatian, tekanan hidup semakin meruncing, namanya tidak sebesar dahulu lagi, kecemerlangannya yang selama ini dirasakan semasa beliau di studio Jalan Ampas Singapura, sudah tidak lagi dipandang.

Tetapi dia masih mampu mengarahkan beberapa filem seperti *Dr Rushdi*, *Gelora*, *Putus Sudah Kasih Sayang*, *Jangan Tinggal Daku*, dan yang terakhir *Laksamana Do Re Mi*.

Ada ura-ura mengatakan beliau bersama beberapa orang menubuhkan PERFIMA. Isu ini telah menimbulkan banyak rungutan dan masalah, kerana rakan-rakan sudah mula mempersoalkan kewibawaannya. Kemudian pada tahun 1973 sebelum beliau meninggal dunia, beliau bersama H.M. Shah menubuhkan pula Rumpun Melayu.



Saya bersama keluarga tercinta, isteri Suriya Bakar dan kedua-dua anak lelaki saya, Zakariah (kiri) dan Zaidi (kanan)

Namun ianya juga menemui kegagalan. Mulai dari saat inilah saya dapat beliau sering sahaja bermuram dan mengikut apa yang diceritakan oleh Saloma kepada saya, Daddy sudah mula merasa tekanan yang amat sangat dan pernah dia menyampaikan hasratnya untuk menerbitkan filem sendiri, tetapi tidak ada sesiapa pun waktu itu yang mengambil tahu.

Dari apa yang saya dapat tahu melalui teman rapatnya, Dato' L. Krishnan pernah memelawanya duduk di pejabatnya dan buatlah apa yang dia mahu buat, tetapi bapa saya hanya mengucapakan terima kasih.

Sejak dari itulah hidup bapa saya agak susah dan tidak mempunyai "income" atau pendapatan yang lumayan, kalau dibandingkan dengan nama besar yang dimilikinya.

Saloma terpaksa bekerja di kelab malam semula dan cuba mencari rezeki hanya nuntut membantu bapa saya yang sedang dihimpit kesusahan itu. Tidak ada sesiapa yang tahu tentang kehancuran hati dan kesengsarannya. Kami hanya makan ala kadar, pendek kata keluhan P. Ramlee hanya terpendam di dalam hatinya sahaja.

### **Nasihat bapa mengenai mahjong**

Bapaku juga gemar bermain "Dam" dan "Mahjong" untuk mengisi masa lapangnya. Semua ini bermula semajak di Jalan Ampas. Melalui pengalaman dan keseronokan pahit maungnya permainan mahjong, beliau telah dapat menghasilkan sebuah lagu berjudul "Kisah mahjong" dan

dimuatkannya di dalam filem arahan Dires Ghose *Dajal Suci*. Lirik dan melodinya ditulis sendiri oleh beliau di mana banyak mengandungi kata-kata nasihat dan pengajaran:

### **Kisah Mahjong**

*Dengarlah kisah mahjong  
Kisahnyapun sungguh triling  
Satu meja empat orang  
Duduk keliling*

*Buah mahjong dikkacau  
Bunyinya sangat bising  
Diatur dua-dua disusun-susun  
Semacam dinding*

*Mahjongnya sangat banyak  
Bermacam-macam warna  
Ada buluh ada bola  
Ada tulis Cina*

*Buah dadu dibuang  
Untuk mencari mata  
Kalau dah dapat mata  
Baru senang mahjong boleh mula*

*Main mahjong sangat bahaya  
Dari malam sampai besok senja  
Tak makan tak minum asyik belek saja*

*Sampai lupa hai rumah tangga  
Masing-masing menculik*

*Sangat laju dan panas*

*Dapat daun kotor*

*Buah mahjong dihempas pulas*

*Mulut merengut-rengut*

*Tangan memegang kipas*

*Mahjongnya sangat kotor*

*Dari rajin dah timbul malas*

*Kalau dia hendak berhenti*

*Mahjong dah kurang kaki mahu tak mahu kena tunggu*

*Sampai besok pagi*

*Kalau siapa yang sampai*

*Dia senyum ketawa*

*Orang yang tidak sampai*

*Muka masam mulai tumbuk meja*

*Main mahjong sangat bahaya*

*Dari malam sampai besok senja*

*Tak makan tak minum asyik belek sahaja*

*Sampai lupa hai rumah tangga*

### **Satu Kejutan**

Saya sudah lama tidak tinggal bersama bapa saya. Semenjak perkahwinan pertama, dan kedua, saya tinggal bersama keluarga saya sendiri, dan jarang sekali ke rumah bapa saya. Ini kerana kami tidak bersefahaman dan



Saya di hadapan jenazah bapa saya di masjid Kampung Baru.  
Kelihatan Yusnor Efx dan Dato' Jins Shamsudin

kemarahan bapa saya dengan perkahwinan saya yang pertama. Mungkin waktu itu saya membuat keputusan dengan agak tergesa-gesa dan tidak memikirkan tentang nasihat orang tua, saya menganggap itu adalah satu kesilapan saya sendiri. Sungguh pun tidak tinggal serumah, tetapi saya selalu bertanyakan khabar melalui ibu tiri saya Saloma.

Setelah bercerai, saya meneruskan kerjaya saya sebagai pemuzik di Hotel Merlin. Kerana saya merupakan pemuzik tetap di situ, maka saya diberi satu bilik untuk saya menetap sebagai tempat bermalam. Kira-kira selepas subuh sedang saya nyenyak tidur setelah bekerja jauh malam, tiba-tiba pintu bilik saya diketuk orang dengan kuatnya. Apabila saya membukanya, alangkah terkejutnya saya dengan kehadiran dua orang pegawai polis dengan pakaian seragamnya tercepat di hadapan pintu bilik saya. Saya juga terpegun dan mempelawa mereka masuk ke bilik saya. Apabila mereka masuk, terus mereka berkata, "Encik Nasir, bersabar, ini berita jangan terkejut, kami diarahkan supaya memberitahu Encik Nasir, bapa Encik Nasir sudah tiada, meninggal dunia". Mereka mengulangi apa yang dicakapkan, kerana ketika itu saya dalam keadaan antara sedar dengan tidak, kerana terlalu mengantuk. Tidak lama selepas itu keadaan saya mula tenang dan jelas lalu saya terus bertanya kepada pegawai polis itu, "Di mana mayatnya sekarang?" Pegawai polis itu menjawab, "Sekarang berada di hospital besar Kuala Lumpur." Saya mengangguk dan mengucapkan terima kasih, dan pegawai polis itu terus beredar dari situ. Saya terus terduduk di atas katil dan serta merta berkecamuk di kepala saya,

bertbagai-bagai kemungkinan yang terbayang, saya menngis, dan sebak, di dalam hati berkata, "Ya Allah, saya berdosa dengan bapa, kenapalah saya tidak berjumpanya sebelum dia pergi."

Tiba-tiba telefon berdering, saya mengangkat dan menjawab panggilan itu. Rupa-rupanya Saloma dengan nada yang tenang memberitahu, "Nasir, Daddy sekarang berada di hospital kerana diserang sakit jantung, kita jumpa di hospital."

Saya amat terharu dan faham dengan kata-kata Mama. Dengan segera saya memakai baju dan terus ke Hospital Besar Kuala Lumpur. Setibanya di hospital, saya dapati orang ramai sudah mula membanjiri kawasan hospital tersebut, mungkin mereka telah mendengar berita tentang kematian bapa saya itu. Saya terus menuju ke pintu besar hospital dan mencari-cari Mama, tiba-tiba saya didekati oleh seorang tua yang agak pelik kelakuannya terus memimpin saya ke rumah mayat. Dia tidak banyak bercakap, hanya menyuruh saya bersabar dan redha dengan apa yang berlaku, kerana Tuhan lebih sayang kepada Allahyarham bapa saya.

Setibanya saya di rumah mayat, alangkah sedihnya saya melihat mayat bapa saya terbujur di atas katil batu tanpa dialas kain dan bantal yang sempurna. Barulah saya sedar rupanya bapa saya telah meninggal dunia. Saya menngis sekuat-kuat hati dan terus memeluk mayat bapa saya. Dalam hati saya berkata, "Aku kehilangan bapa, dosaku banyak kepadanya." Beberapa pegawai di bilik mayat

hanya memerhati dan cuba menenangkan keadaan saya, begitu juga mama dan beberapa orang sahabat bapa saya.

Sebelum mayat dibawa pulang ke rumah, saya hanya duduk dalam keadaan tidak berdaya di sebelah mayat bapa saya. Waktu itu saya hanya mampu menerima ucapan takziah daripada sesiapa yang datang. Seketika kemudian, seorang doktor datang berjumpa saya dengan membawa satu dokumen untuk saya tandatangan agar satu bedah siasat dapat dijalankan segera. Saya tidak berkata apa-apa hanya memandang kepada doktor itu, dia terus berkata, "Encik Nasir terpaksa tandatangan surat ini agar kami dapat menjalankan tugas bedah siasat dengan segera dan sempurna." Saya dengan serta merta menjawab, "Tolonglah tuan doktor, saya tidak mahu mayat bapa saya teraniaya dibelah, saya mahu beliau kembali dengan sempurna." Di sebabkan ketegasan saya, maka kerana itulah mayat bapa saya agak lewat dibawa pulang ke rumah. Di waktu yang sama kawan bapa saya yang berada di situ memarahi saya dengan berkata, "Kalau tidak dibedah siasat, maka wang insuran susah nak dapat." Dengan rasa marah dan geram terus saya menjawabnya, "*Go to hell with that bloody insurance!*" semua yang berada di situ agak terkejut, tetapi mama yang berada di sisiku cuba menenangkan saya, "Sabar Nasir, don't lost your temper." Akhirnya hampir setengah hari di hospital, barulah mayat bapa saya dibawa balik ke rumah dengan menaiki van hospital tanpa dibedah siasat.

### Air Mata di Kuala Lumpur

Satu kisah yang tidak dapat dilupakan dalam hidup saya ialah tentang lagu "Air Mata di Kuala Lumpur", lagu hasil ciptaan bapa saya yang terakhir sebelum beliau meninggal dunia buat selama-lamanya. Sewaktu hayatnya, beliau pernah memberitahu Saloma yang beliau ingin membuat sebuah cerita dengan judul "Air Mata di Kuala Lumpur", tetapi beliau hanya sempat mencipta lagu itu terlebih dahulu. Setelah dia pergi barulah kami malahan masyarakat umum mengetahui isi hatinya tentang "Air Mata di Kuala Lumpur".

Sekembalinya saya bersama Saloma membawa jenazah bapa saya pulang ke rumah di No. 22 Jalan Dedap, kelihatan ramai orang yang mula berpusu-pusu untuk menziarahi Allahyarham bapa saya, bukan saja orang Melayu, malah yang bukan Melayu pun ramai yang turut sama. Suasana ketika itu amat kelam-kabut, sehingga saya merasakan seolah-olah mereka yang datang tidak percaya dengan kematian bapa saya. Takziah demi takziah datang tidak berhenti-henti, derma daripada para dermawan juga mencurah-curah datang, malah ada juga yang pengsan.

Para pemimpin politik, pejuang seni dan mereka yang kenal rapat dengan bapa saya turut datang untuk melihat wajah terakhir bapa saya. Selain daripada para seniman seniwati veteran dan juga yang baru, semuanya bermuram dan sedih, termasuk mereka yang datang dari Singapura, antaranya Pakcik Ahmad Daud dan Makcik Saadiah, Pakcik Kassim Masdor dan Sanisah Huri, dan tidak

keinggalan bekas guru tuisyen saya dan juga murid bapa saya Cikgu Yusnor Ef (Mat Nor) dan isteri.

Setelah semua siap dan jenazah telah siap dimandikan, maka dengan rasa terharu dan pilu, diikuti oleh ratusan peminat yang datang mengunjungi rumah saya, maka kami membawa jenazah bapa saya ke masjid Kampung Baru untuk disembahyangkan. Saloma dan keluarga yang lain turut mengiringinya, saya dapat rasakan bagaimana pilunya Saloma untuk menabur "pacai" ke atas jasad bapa saya. Sepanjang jalan ke arah masjid Kampung Baru ramai orang beratur dan ada yang menadahkan tangan serta berdoa untuk bapa saya. Sesampainya kami di perkarangan masjid begitu ramai yang menunggu, ketika inilah saya dapat melihat wajah-wajah yang sedih dan ada pula yang mengesat-ngesat air mata.

Akhirnya jenazah dibawa masuk ke dalam masjid, kelihatan berdiri mengadap dengan jenazah selain dari saya sendiri, ialah Pakcik Ahmad Daud, Jins Shamsudin, Yusof Suria dan Cikgu Yusnor Ef. Setelah disembahyangkan maka jenazah dibawa terus ke kawasan tanah perkuburan orang-orang Islam di Jalan Ampang. Sesampainya kami di sana, wahl! ramai betul yang menunggu, kami terpaksa meminta jalan untuk membawa masuk jenazah ke tanah perkuburannya. Saya, Saloma, ibu Salomá dan famili yang lain dapat duduk di bahagian hadapan makamnya, sewaktu jenazah hendak dibawa masuk ke dalam liang lahad, diwaktu itulah hujan renyai-renyai pun turun, seolah-olah mengiringi suasana tangisan di seluruh pelusuk tanah air. Betullah dengan apa yang Allahyarham hasilkan sebelum kematiannya, lagu yang berjudul "Air Mata Di Kuala

Lumpur" memang benar dapat dilihat pada hari itu negara seolah-olah menangis sama di atas kematian bapa saya. Di tanah perkuburan ramai yang datang memberi salam takziah kepada saya dan Saloma, dan saya sendiri tidak dapat melihat wajah-wajah mereka, kerana di dalam keadaan yang sedih dan kelam kabut. Setelah selesai pengkebumian bapa saya, maka kami sekeluarga terus pulang ke rumah, semasa dalam perjalanan pulang kelihatan masih ramai orang berpu-su-pusu ke tanah perkuburannya, dan terdapat beberapa buah bas yang masih berada di luar kawasan tanah perkuburan. Saloma yang begitu lemah dipapah oleh sepupu saya ke keretanya, saya perhatikan Saloma nampak macam biasa cuma beliau agak lemah dan tidak berdaya untuk berjalan.

Sesampainya di rumah kami semua membuat persediaan untuk kenduri tahil, ramai juga yang turut ke rumah. Setelah selesai kenduri oleh pak imam masjid, Saloma mula membaca telegram yang tiba begitu banyaknya dari tokoh-tokoh ternama termasuk menteri. Tidak lama kemudian Pakcik Ahmad Daud, Saadiah, Kassim Masdor dan Cikgu Yusnor Ef datang menemui Saloma. Setelah beberapa hari bapa kembali ke rahmatullah, satu malam sedang saya duduk termenung dan mengimbas kembali saat-saat bahgia bersama bapa dari sejak kecil dan saat-saat pertengkaran saya dengan bapa, air mata berlinangan, saya tidak dapat menahan. Barulah saya faham bagaimana perasaan seorang anak kandung apabila kehilangan bapa kandung yang disayangi. Saya menyesal, tetapi seperti kata pepatah, sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna. Walau bagaimanapun saya



terpaksa meneruskan hidup sekeluarga, dan saya menjalankan tugas-tugas seharisan, di samping menjenguk Saloma dan adik angkat saya Sazali.

### **Kesugulan, Kehibaan dan Keanehan Saloma (Setelah P. Ramlee pergi buat selama-lamanya)**

Setelah beberapa minggu bapa saya meninggal dunia, suasana rumah yang didiami oleh Saloma agak sugul. Saloma sendiri seolah-olah macam tidak percaya yang bapa saya telah pergi meninggalkannya, gaya dan gerak lakunya sebagai biasa, semacam P. Ramlee masih hidup, dan kadang-kadang dia tersasul memanggil "Daddy". Apabila saya bertemuinya, saya menasihatkan dia dan cuba memulihkan semula ingatannya yang suaminya telah meninggal dunia. Dia hanya ketawa sahaja seolah-olah percakapan saya itu dibuat-buat. Saya semakin risau dan merasa kasihan di atas apa yang berlaku ke atas dirinya.

Semenjak kematian bapa, saya sudah tidak tinggal bersama lagi dengan Saloma, dan akhirnya Saloma berpindah ke sebuah rumah teres di kawasan Jalan SS/2 Petaling Jaya. Hidup saya dan keluarga semakin susah dan kami tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap. Kami suami isteri hanya menjual nasi lemak dan berniaga buah-buahan di tepi jalan, kadang-kadang kami dikejar oleh pihak DBKL kerana menjual tanpa lesen. Saya masih teringat satu ketika saya betul-betul tidak mempunyai wang, saya terpaksa menelefon Mama Saloma meminta sedikit wang untuk dipinjam. Mama menyuruh saya

menunggunya di kedai Ah Lek (Kedai inilah tempat bapa saya bermain mahjong). Apabila saya sampai, mama hanya memandang saya dan memanggil saya ke tepi, mama menunjukkan begnya dengan duit yang tinggal hanya RM40. Dengan suara yang amat perlahan mama berkata, "Nasir, ini sahaja yang mama ada, mama ambil 20 ringgit dan Nasir ambil 20 ringgit, jangan marah ya, mama betul-betul tiada duit." Saya cuba menolaknya, tetapi dia berkata, "Ambillah, kita sama-sama kehilangan orang yang kita sayangi."

### **Rumah Bapa**

Suka saya jelaskan di sini tentang "Apa yang P. Ramlee miliki." Sepanjang hidupnya, Allahyarham hanya tinggal di rumah yang disediakan oleh pihak Shaw Brothers, sejak dari studio Jalan Ampas, membawa kepada Boon Teck Road, dan akhirnya berpindah ke Yarrow Garden di Siglap, kemudian berpindah pula ke MacPherson Road. Setelah berpisah dengan Noorizan, maka kami berpindah pula ke rumah teres di Cedar Avenue sehinggalah akhirnya berpindah pula ke Kuala Lumpur.

Sesampainya di Kuala Lumpur, kami menginap sementara di Peninsular hotel (di belakang Bank Rakyat) sekarang ini. Setelah beberapa minggu, akhirnya pihak Shaws menyediakan pula sebuah rumah banglow di Jalan Bunga Kantan (Taman Furlong) sekarang sudah ditukar ke Taman P. Ramlee. Beberapa lama tinggal di situ, akhir sekali kami berpindah ke sebuah rumah banglow rendah

tidak jauh dari Jalan Bunga Kantan, iaitu di Jalan Bunga Dedap sehingga hari-hari terakhir P. Ramlee dan sehingga kami terpisah semuanya.

P. Ramlee tidak mempunyai harta seperti rumah atau tanah yang setaraf dengan namanya yang besar, lebih-lebih lagi sekarang ini walaupun sudah bergelar Tan Sri. Tetapi saya bersyukur ke hadrat Ilahi, kerana sewaktu hidupnya, bapa saya tidak memikirkan apa akan jadi setelah dia tiada, ke mana hala tuju anak-anaknya, ini kerana dia adalah anak seni sejati yang memperhambakan diri kepada seni, bukan seperti sesetengah anak seni hari ini yang hidup kaya raya, seperti sesetengah anak seni hari ini yang hidup kaya raya, mempunyai pengurus, dan penuh kemewahan.

Walaupun bagaimanapun, saya harus berterima kasih kepada Allahyarham Salleh Ghani, kerana beliaulah yang menggesa bapa saya agar memikirkan untuk membeli rumah sendiri. Pernah saya mendengar percakapan mereka, kata Salleh Ghani, "Ram, you tak hendak beli rumah sendiri ke? Beli rumah I sudahlah." Mungkin waktu itu beliau baru terfikir untuk memiliki rumah sendiri, maka dia bersetuju membeli rumah Salleh Ghani. Walaupun begitu, kami tidak tinggal di situ, uncle Ahmad Nawab yang menyewanya, kemudian diganti pula oleh Omar Nawab, ini semua sebelum dia meninggal dunia.

Setelah bapa saya meninggal dunia, Saloma hanya menetap di situ untuk seketika sahaja, kemudian Saloma berpindah ke Petaling Jaya, dan rumah itu didiami pula oleh Mimioma. Setelah Mimioma berpindah, rumah itu masih kosong. Setelah Saloma meninggal, saya bersama-sama isteri saya yang kedua tinggal di rumah tersebut, tetapi



Pasangan suami isteri, bapa dan mama

malangnya setelah saya bercerai dengan isteri kedua, rumah itu kosong semula.

Setelah saya berkahwin dengan isteri ketiga, iaitu isteri saya sekarang ini, maka barulah saya menatap semula di rumah tersebut bersama-sama dengan keluarga saya. Yang anehnya rumah itu masih atas nama "Federal Territory." Saya membuat keputusan untuk mengambil alih dan menukar nama ke atas nama saya, maka saya memanggil semula adik-adik angkat saya Sazali, Armali (anak Saloma bersama A.R. Tompel), Sabaruddin. Hal ini disaksikan oleh seorang peguam (perempuan) dan Dato' Zakiah Hanom.

Timbul sedikit perasaan kurang senang antara mereka (adik beradik angkat saya). Mereka tidak bersetuju jika rumah itu ditukar atas nama saya seorang, tetapi pihak peguam memberitahu yang berhak ialah anak P. Ramlee, dan saya adalah satu-satunya anak kandung P. Ramlee. Akhirnya mereka akur dan sehingga ke hari ini rumah itu menjadi milik saya dan saya tidak lupa dengan adik-adik saya yang lain. Betul-betul macam filem *Tiga Abdul* yang diarahkan oleh bapa saya.

Jadi inilah sahaja harta atau rumah peninggalan bapa saya, sebuah rumah deret bawah yang hanya mempunyai dua bilik bertempat di Jalan Sempadi daerah Setapak. Bukan rumah banglo atau semi-D. Walau macamana pun saya bersyukur kerana sungguhpun kecil itulah rumah kepunyaan P. Ramlee. Saya tidak berasa malu, walaupun nama bapa saya besar dalam dunia seni, tetapi rumah yang dimilikinya agak kecil dan tidak setanding dengan namanya, tetapi itulah rumah kepunyaan P. Ramlee. Setelah

saya membuat sedikit pengubahsuaian dengan wang yang saya dapat daripada hasil royalti yang tidak seberapa, maka dapatlah saya anak beranak menumpang berteduh di dalam pondok peninggalan bapa saya P. Ramlee.

### **Hidup saya setelah bapa pergi**

Nama bapa saya agak besar, karyanya amat banyak dan menjadi bahan kajian serta rujukan kepada mereka yang minat dan ingin menjadi karyawan filem, terutama penuntut-penuntut yang mengambil subjek muzik dan filem, tetapi anaknya hidup serba sederhana malah tiada mempunyai pekerjaan yang tetap. Saya tidak mempunyai saudara mara yang terdekat, seorang bapa saudara Sheikh Ali, abang seibu dengan bapa saya juga telah meninggal dunia. Ibu saudara kandung, Junainah, adik kepada ibu saya Junaidah, pula berjauhan di Singapura dan kami jarang sekali bertemu. Jadi saya menyara hidup bersama isteri ketiga dan anak-anak dengan bermain muzik sambitan, serta menjual atau menjaja nasi lemak dan juga buah-buahan di tepi jalan berdekatan dengan rumah. Itu pun kadang-kadang kena hambat dengan pegawai DBKL, maklumlah menjual tanpa lesen.

### **Kenangan abadi**

Kehilangan bapa saya amat sukar dicari ganti, kemasyhurannya pula belum dapat ditandingi oleh sesiapa.

Allahyarham P. Ramlee masih kekal sebagai seniman nombor satu Malaysia. Saya tidak dapat mengikis ingatan saya terhadap bapa saya, bahkan semasa menyambut hari raya saya amat sedih sekali, walau pun pahit, saya terpaksa menerima kenyataan dan ketentuan Tuhan. Saya masih terkilan, kerana dia tidak sempat meninggalkan apa-apa pesan kepada saya, kerana dia merupakan seorang yang suka menyimpan rahsia kesakitannya. Sepanjang hayatnya beliau tidak pernah menceritakan tentang penyakitnya, malah demam dan pening tidak dihiraukan. Saya masih ingat doktor yang merawatnya iaitu Dr Kok Tai Yan. Sewaktu kami bertanyakan apakah penyakit bapa saya, dia menjawab bahawa bapa minta ianya dirahsiakan, jadi kami terpaksa akur. Satu perkara yang tidak dapat saya lupakan iaitu ketika menjelangnya hari raya, dia menyuruh saya mengecat rumah, dengan upahnya RM50, tidak termasuk duit baju dan duit hari raya. Saloma memasak sendiri untk juadah hari raya, dan kadang-kadang ibunya datang dari Singapura membantunya.

Satu lagi sifat bapa saya yang saya perhatikan, pernah pada satu ketika dia sedang makan di ruang tamu, dia tampak mamak pemotong rumput lalu dihadapan rumah, dengan serta merta bapa saya memanggil mamak itu masuk dan makan sama, dia tidak merasa "gah" atau bangga dengan nama besarnya, malah dia sentiasa bermurah hati dan tidak lokek.

Allahyarham kalau balik dari jauh dia akan memanggil saya, "My boy!" atau "Come here my boy," sehingga ke hari ini terngiang-ngiang di telinga saya panggilan itu. Berkenaan bayaran royalti lagu-lagunya pula, saya tidak

lupa berkongsi dengan adik-adik saya oleh kerana kami pernah tinggal sebumbung dan pemberian tersebut biasanya adalah atas budi bicara saya.

### Nasib Tuah Mendatang

Ini adalah satu peristiwa yang datang tanpa dirancang dan semuanya adalah dengan kehendak yang Maha berkuasa. Peristiwa ini menjadi satu kenangan manis bagi saya, isteri anak-anak. Ketika saya anak beranak mengharungi lautan kesusahan dan kesempitan untuk menyara hidup anak isteri, tiba-tiba pada satu saat datang undangan untuk saya ke majlis makan malam yang agak "berprestij" kerana di dalam majlis itu terdapat ramai para jempunan orang-orang kenamaan, termasuk Tan Sri-Tan Sri, Dato' -Dato' dan tidak ketinggalan pemimpin negara seperti bekas Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad. Saya pula duduk di meja bukan VIP, hanya bersama orang-orang biasa saja. Kebetulan juga meja kami berhampiran dengan laluan mereka yang pergi ke bilik air. Sedang kami asyik menjamu selera, Dato' Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri ketika itu, tiba-tiba menghampiri saya. Dalam pertemuan ringkas yang tidak lebih sepuluh minit itu, beliau sempat bertanya khabar kepada saya, dan dengan gaya loghat Kedah, beliau bertanya, "Apa you buat sekarang?" dan saya dengan penuh hormat menjawab, "Tak buat apa-apa Dato', hanya berjualan buah-buah dan nasi lemak di tepi jalan berdekatan rumah saya, itu pun kadang-kadang DBKL datang melarangnya". Dato' Seri Dr Mahathir dengan

tersenyum berkata, "Tentulah, salah jual tepi jalan, tak ada lesen." Kemudian beliau berkata lagi, "Tak ada orang beriahtupun," dan saya hanya ketawa sahaja. Kemudian beliau pun beredar. Di dalam hati ini berkata, "Mudah-mudahan Dato' Seri dapat memahami keadaan kehidupan saya kini."

Perkara itu berlalu hampir dua minggu tanpa sebarang berita, tindakan atau simpati dari mana-mana pihak. Tiba-tiba pada suatu hari saya dipanggil oleh YB Dato' Sheikh Fadzir, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ketika itu untuk ke Kementeriannya. Saya dengan tidak membuang masa, terus pergi menemuinya di pejabatnya. Bersyukur Alhamdulillah, rupa-rupanya ada pihak yang bersimpati dengan keadaan saya ketika itu. Akhirnya saya diberi satu jawatan khas dibawah Kementerian itu melalui Istana Budaya. Jawatan saya ialah sebagai Penyelaras Kombo Istana Budaya. Maka saya menerima dengan penuh senang hati dan bermulalah tugas saya di Istana Budaya. Sejak hari itu saya tidak pernah melupakan jasa baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad dan Menteri Pelancongan Malaysia, Dato' Sheikh Fadzir, kerana kedua-dua mereka telah memberi saya satu nafas baru dalam melangkah ke arena yang baru untuk saya. Budi dan jasa mereka akan tersenat di hati sehingga ke akhir hayat saya.

### Satu Penganagerahan Yang Menyentuh Rasa

Tahun 1990 adalah satu tarikh yang tidak dapat saya lupakan. Allahyarham bapa saya, P. Ramlee telah dianagerahkan pingat yang tertinggi kepada seorang insan seni yang telah banyak mencurahkan keringatnya dalam menyemarakan seni budaya bangsa, terutama dalam seni muzik dan seni filem.

Pada tahun inilah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah telah sudi menganugerahkan Darjah Kebesaran PSM yang membawa gelaran Tan Sri kepada bapa saya Allahyarham P. Ramlee. Beliaulah satu-satunya orang seni yang dianagerahkan bintang yang tertinggi itu. Dalam hati kecil saya berkata, "Ya Allah! Bersyukur kepadaMu, walaupun ini adalah tanggung jawab yang berat seorang anak kepada Allahyarham ayahnya."

### Majlis Rasmi di Istana Negara

Saya sampai ke Istana Negara dalam keadaan yang agak kolot, seperti rusa masuk kampung, saya terus diarahkan ke Balairung Seri. Saya rasa gementar kerana itulah kali pertama saya mejejatkan kaki ke Istana Negara. Seorang pembaca berita di radio RTM temampak saya, dia terkejut dan bertanya "Eh! You buat apa kat sini?" Pertanyaan itu seolah-olah macam saya datang untuk suka-suka, saya dengan rasa kesal terus menjawabnya, "Saya diundang khas," dan dia pun terus terdiam.

# Nasir P. Ramlee wakili bapanya terima 'anugerah'

Oleh  
Nazeri Nong Samah

KUALA LUMPUR 5 Jun — Nasir P. Ramlee menerima penghargaan Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) daripada Kerajaan Malaysia kepada bapanya yang membawa gelaran 'Tan Sri P. Ramlee' adalah sesuatu yang sangat simbolik dan membuktikan betapa phak kerajinan setinggi tuhan membuat perkhidmatan yang tinggi kepada jasa - jasa golongan serantau tanahair.

Meskipun ada kalangan yang berpendapat penghargaan sedemikian agak rendah setelah 17 tahun P. Ramlee meninggal dunia, bagi saya ia tidak menjadi soal kerana karya dan jasa beliau dan muzik P. Ramlee tak pernah mati dan terus disanjung sampai sekarang. Kata Nasir P. Ramlee yang menerima penghargaan tersebut esok mesralli arwah bapanya kerana beliau P. Ramlee tinggal Semanan Agung Alahyaham P. Ramlee.

Agak aneh 'Tan Sri' kepada Alahyaham P. Ramlee ini di atas namanya hasil kemurahan Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah di Kuala Lumpur esok. Menurut Nasir P. Ramlee, "kati semua phak di negara kita telah menghanggi jasa - jasa P. Ramlee memenuhi kegiatannya dalam bidang perffilman, nyanyian dan muzik".

Sambil tunduk dan berajaah rendah, Nasir P. Ramlee bersuara, "saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada seluruh rakyat dan phak kerajinan yang begitu mengambil berat mengenai jasa-jasa arwah bapa saya P. Ramlee itu."

Menurutnya, ketika bawak Alahyaham Tan Sri P. Ramlee, beliau lebih banyak mengadakan diutnya bagaikan ilin membakar diri untuk memaikan bidang perffilman, muzik dan nyanyian.

Maklud saya P. Ramlee bekerja bersungguh-sungguh dan ikhlas semana - mana kerana Allah dan tidak hantulah kebayakan kerja seninya itu mendapat bertak dan sambutan masyarakat yang berpanjangan," tegas Nasir P. Ramlee.

Kata Nasir P. Ramlee lagi, apa yang beliau tahu mengenai arwah bapanya itu ialah Alahyaham Semanan Agung Tan Sri P. Ramlee merupakan seniman yang tidak kedekut mencurahkan pengetahuan serta banyak berkorban wang tinggi dan 'pencasar' kerana sikap semulajadinya yang tidak sanggup mengemukakan orang lain.

Menyentuh tentang 'anugerah' darjah kebesaran Tan Sri P. Ramlee itu, Nasir P. Ramlee membayangkan besar kemungkinannya ia akan diserahkan kepada Pustaka Peringatan P. Ramlee, Kuala Lumpur kerana di sanalah sejumlah besar khazanah Alahyaham P. Ramlee diinapkan untuk tarapan rakyat.

Demikianlah betapa hebatnya 'legenda Semanan Agung Alahyaham P. Ramlee' yang terus harum dan subur dalam ipatan sejarah bangsanya. Celahan Semanan Agung hasil perkhidmatan rakyat dan kini gelaran 'Tan Sri' pula untuknya dari penghargaan ganjil kebesaran kerajaan' di mana Alahyaham P. Ramlee merupakan 'seniman ulung negara yang penerima anugerah sedemikian.



NASIR P. RAMLEE

Puluh Pyang pada pagi Hari Raya Aidilfitri tanggal 22 Mac 1979, beliau mencipta nama sebagai pelakon apabila berhijrah ke Singapura tahun 1948 dengan bernama menta dan bawak sebagai 'pelakon tambahan' film *China* arahan B.S. Rajhans dan Shaw Brothers untuk Malay Film Production Ltd.

Kemuncak kejayaannya sebagai 'seniman filin' Alahyaham P. Ramlee merupakan penerima anugerah tunggal *The Most Versatile Actor* (Semanan Serta Boleh) sebagai penghargaan tertinggi untuk filin hitam putih *Ibu Mertuaku* arahan dan lakonannya memenangi Pesta Filin Asia di Tokyo, Jepun tahun 1963.

Alahyaham P. Ramlee meninggal dunia akibat serangan sakti jantung dalam usia 45 tahun di rumahnya (kini dijadikan Pustaka Peringatan P. Ramlee), Setapak, Kuala Lumpur pada subun tanggal 29 Mei 1973, jenazahnya telah semasa dikuburkan di tanah perkuburan Islam, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Sebelumnya 'penghargaan kerajaan' kepada jasanya Semanan Agung Alahyaham P. Ramlee bukanlah baru kerana dalam tahun 1962 beliau pernah dianugerahkan pingat Ahli Mangu Negara (AMN) disemikan oleh Yang di-Pertuan Agong Ke-3 Raja Perlis, Tuanku Syed Putra Idris Almarhum Syed Hassan Jamalullail di Istana Negara, Kuala Lumpur.

Selain itu phak Akab Negara merupakan phak yang paling akta menggariskan usaha pengamul kinzaman Semanan Agung Alahyaham P. Ramlee semngga kerjanya Pustaka Peringatan P. Ramlee 27 Februari 1984.



Saya menerima anugerah "Pencapaian Sepanjang Hayat" bagi phak bapa saya dari COMPASS Singapura

Keratan akhbar *Utusan Malaysia*, 6 Jun 1990 yang memaklumkan pengannugerahan Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran 'Tan Sri P. Ramlee' kepada bapa

Setelah para jemputan dan penerima bintang duduk menantikan keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya temampak Dato' Seri Ahmad Sarji (Ketika itu belum bergelar Tan Sri). Rupa-rupanya beliau juga menerima anugerah PMN membawa gelaran Tan Sri bersama dengan bapa saya. Apabila diumumkan nama bapa saya, saya dibawa oleh pengiring untuk mengadap TuanKu. Semasa bintang disematkan di dada saya, saya rasa amat terharu dan berlinang air mata, kerana di dalam hati kecil saya berkata, "Kalau bapa aku masih hidup, alangkah gembiranya beliau."

Setelah selesai, ramai pembesar-pembesar negara dan para tamu datang menemui saya memberi ucapan Tahniah di atas bintang yang diberi kepada bapa saya.

Saya amat terharu dan gembira bercampur sedih, gembira kerana jasa bapa saya diakui oleh negara, sedih kerana beliau tidak dapat bersama-sama di dalam majlis yang gilang gemilang ini.

Satu lagi peristiwa yang saya anggap besejarah kepada Allahyarham bapa saya apabila Universiti Malaya menganugerahkannya dengan ijazah kehormat "Doktor Seni Persembahan" yang membawa gelaran Doktor (Dr) pada hari konvokeyen 2005. Ijazah itu disampaikan Pro-Canselor UM, Tan Sri Abdul Malek Ahmad pada Majlis Konvokeyen 2005 di Dewan Tunku Canselor. Saya menerimanya bagi pihak bapa saya dan turut serta bersama saya ialah Cikgu Yusnor Ef. Anugerah itu merupakan satu pengiktirafan dan simbol mengenang jasa oleh Universiti



Saya menerima ijazah kedoktoran bagi pihak bapa saya yang dianugerahkan oleh Universiti Malaya

Malaya terhadap bapa saya yang terlalu banyak sumbangannya kepada dunia seni tanah air kita.

### **Hajat Tak Sampai**

Allahyarhamah ibu saya Junaidah pernah menyatakan dalam satu temuramah eksklusif bahawa beliau sebenarnya terkian kerana banyak hajat dan impiannya masih belum terlaksana. Di antara impian beliau adalah harapannya untuk menetap di Malaysia dan mengunjungi rumah kelahiran P. Ramlee di Pulau Pinang, bertemu dan tinggal bersama saya anaknya. Malangnya dia meninggal dunia pada pagi Rabu selepas temuramah tersebut.

Menurut ibu saya, hidup sebumbung selama tiga tahun bersama bapa saya P. Ramlee pada tahun 50an membawa banyak kenangan pahit dan manis yang sukar dilupakan. Ibu saya pernah menyatakan kepada wartawan, bahawa beliau bersedia dan sangat berbesar hati jika dapat menghadiri majlis memperingati ulang tahun kelahiran atau pemertgian Allahyarham P. Ramlee. Ibu saya pernah menziarahi pusara bapa saya di Jalan Ampang Kuala Lumpur. Kadang-kadang tiada siapa pun tahu yang saya bersama ibu pernah menziarahi pusara Allahyarham, tetapi apabila ada orang yang melihatnya, kami pun terus beredar dari situ.

### **Mengenai Royalti**

Ibu saya, Junaidah pernah berkata, jika Nasir ada masalah tentang royalti bapanya, iaitu sekadar untuk mengesahkan yang Nasir adalah anak kandung yang sah daripada P. Ramlee bersama Junaidah, beliau sanggup ke Kuala Lumpur untuk berjumpa dengan peguam.

Ibu saya pernah menasihati saya supaya menggunakan wang royalti itu sebaik mungkin, terutama dalam memperbaiki kehidupan rumah tangga saya.

### **Anak P. Ramlee Perlu Bersatu**

Dalam satu majlis pelancaran TPRBP (Tabung P. Ramlee Bin Puteh) Tan Sri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid pernah berkata, "Adalah tidak adil jika anak-anak Semiman Agung tidak bersama-sama menjayakan usaha murni untuk memastikan karyanya dihargai." Beliau seterusnya menyeru agar anak-anak P. Ramlee sedia mencurahkan khidmat kepada mereka yang memerlukan dalam usaha memperkayakan khazanah Semiman Agung ini.

### **Hati Saya Terguris**

Manusia senang membuat silap, tetapi kesilapan itu boleh mengguris hati orang lain. Dalam satu majlis pelancaran buku tentang bapa saya, saya tidak dianggap sebagai VIP, saya tak kisah, tetapi malangnya saya ditempatkan



dibahagian belakang dewan berdekatan dengan tandas. Saya rasa terhina, saya tidak minta mereka melayan saya dengan permaidani merah, kerana perbuatan penganjur yang tidak mengambil berat itu, maka saya rasakan ini adalah satu majlis yang agak kurang pekanya.

### **Penghargaan Kepada Pos Malaysia**

Saya amat menghargai pihak Pos Malaysia kerana menjadikan bapa saya bukan sahaja diingat oleh peminat, malah sekali lagi menerima penghormatan daripada kerajaan Malaysia. Cara Pos Malaysia saya junjung tinggi, apabila mereka meminta izin daripada saya, saya tidak boleh halang, memang P. Ramlee bapa saya, tetapi karyanya kepunyaan semua orang. Orang yang amat saya hargai ialah Tan Sri Ahmad Sarji yang mengesahkan bahawa P. Ramlee akan dijadikan sebagai seniman pertama mendapat penghormatan daripada kerajaan untuk diabadikan dalam bentuk setem. Setakat ini hanya beberapa orang individu sahaja yang pernah meminta izin saya untuk menulis buku tentang bapa saya dan saya tidak membantahnya. Namun terdapat juga buku yang sudah siap, dipasarkan dan banyak pula ceritanya, tetapi saya sendiri tidak ditemuramah, malah minta izin jauh sekali.



Pelancaran buku *P. Ramlee Yang Saya Kenal* karya Yusnor Ef. Dari kiri saya, Yusnor Ef, Tan Sri Ahmad Sarji dan Dato' Ng Tiah Chuan

### Terima kasih yang tidak terkira di atas budi dan jasamu

Saya amat tertutang budi khusus kepada Tan Sri Dato' Seri (Dr) Ahmad Sarji bin Abdul Hamid kerana sumbangan dan keperhatinannya kepada karya Allahyarham bapa saya. Sebagai seorang yang berminat dalam muzik dan filem, Tan Sri Ahmad Sarji banyak membuat kajian mengenai bapa saya. Antaranya menerbitkan buku muzik tiga jilid bersama Dato' Johari Salleh, sebuah buku yang saya anggap sebagai buku rujukan yang terpenting bertajuk *Erti Yang Sakti*, di samping sebuah buku berbahasa Inggeris yang ditulis bersama James Harding berjudul *P. Ramlee: The Bright Star*, disamping menulis banyak kertas kerja mengenai bapa saya dan karyanya yang dibentangkan di dalam seminar atau forum.

Satu lagi, dengan usaha beliau dan Tan Sri Zainol Mahmood (Pengerusi POS Malaysia), maka sebuah buku keluaran khas *Setem P. Ramlee* telah diterbitkan oleh Pos Malaysia. Tan Sri Dato' Seri (Dr) Ahmad Sarji telah melancarkan koleksi setem-setem P. Ramlee itu.

Tidak lupa kepada bekas guru tuisyen saya yang juga merupakan murid bapa saya Cikgu Yusnor Ef. Selain menulis buku hubungan peribadinya dengan bapa saya *P. Ramlee Yang saya Kenal*, beliau juga banyak membantu saya, antaranya mengenai pengurusan saya bersama peguam di Singapura tentang "copyright" bersama EMI Singapura, di samping mengadakan banyak usaha pendedahan dan kegiatan-kegiatan mengenai karya bapa saya khususnya di Singapura. Saya percaya memang ramai



Saya bersama YAB Pehin Sri Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak

yang masih membincangkan tentang karya bapa saya sebagai seniman legenda.

Cuma apa yang saya harapkan, pihak yang berkenaan tidak lupa untuk merujuk kepada saya terlebih dahulu sebagai anak tunggal yang berhak mengetahui kejujuran dan kebenaran mereka yang ingin menyampaikan sesuatu mengenai bapa saya, P. Ramlee.

### Akhir Kata

Terima kasih kepada semua pihak yang masih menghargai Allahyarham bapa saya Tan Sri (Dr) P. Ramlee, jasa dan budi anda tidak dapat kami lupakan, hanya Allah sahaja yang akan membalasnya. Khususnya kepada Yang Amat Berhormat Pehin Sri Tan Sri Datuk Amar Haji Abdul Taib Mahmud, (Ketua Menteri Sarawak), Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KekKWA), dan semua peminat serta masyarakat umum yang masih mengengang jasa bakti Allahyarham bapa saya dalam bidang seni dan budaya Melayu.

Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya.

Sekian.

### Indeks

- |                                     |                               |
|-------------------------------------|-------------------------------|
| A.R. Tompel 30, 53                  | cucu 89                       |
| A.S. Amin 70-71                     | D. Harris 6, 87               |
| abang Ngeh 22, 24, 33, 37, 39, 75   | <i>Daial Suci</i> 93          |
| Abdul Taib Mahmud 122               | <i>Damaq</i> 35               |
| Abdullah Hussein 70                 | Dataran Merdeka 47            |
| Ahmad C 4, 6, 56, 66                | Dian 30-31, 38                |
| Ahmad Daud 66, 99                   | Dr Rushdi 91                  |
| Ahmad Rejab 22, 40, 71, 82          |                               |
| Ahmad Sarji (Tan Sri Dato' Seri Dr) | East Coast Road 26            |
| 117                                 | <i>Erti Yang Saketi</i> 121   |
| Ahmad Wan Yet 59-60                 | <i>Gelanggang Filem</i> 70-72 |
| Aini Jarr 70-71                     | Gelora 91                     |
| Air Mata di Kuala Lumpur 99         | Gurlina 89                    |
| <i>Anakku Szali</i> 1               | Gurnarasaka 89                |
| Arfan 83, 85-86                     | Gurnawan 89                   |
| Arnali 22, 30, 39, 53               | guru tuisyen 37               |
| Aziz Jaffar 66                      |                               |
| Aziz Satar 6                        | H.M. Rohaizad 5               |
|                                     | H.M. Shah 91                  |
| <i>Bakti</i> 1                      | Hamidah 7, 26, 70             |
| Balestier Road 12                   | Harding, James 121            |
| Bartly Road 42                      | Harris 10                     |
| Bedok 25                            | Hasinda 38                    |
| Ben Puteh Lima Merdu 58             | High School 47                |
| Ben Ramlee 59                       | Hujan di Tengah Hari 5        |
| Betty 22, 29-30, 39, 68, 75, 78     | Hussein 22, 40                |
| bomoh 53                            |                               |
| Boon Teck Road 3, 5, 7              | Indonesia 11                  |
| Booty Boys 53, 58, 80               | Istana Budaya 110             |
| Cedar Avenue 31-32, 34-35           |                               |
| Cik Mah 8                           | Jakarta 6, 10, 14, 86         |
| Cikgu Aziz 22, 44-45                | Jalan Ampas 12                |
| Cikgu Mat Nor 40, 43-44, 46, 55, 76 | Jalan Bunga Kantan 47         |
| Cikgu Yusnor 71                     | Jalan Pekeliling 66           |
| Cliff Richard 71                    | Jalan Siglap 13               |

# P. RAMLEE

## Erti Yang Sakti



AHMAD SARJI

AHMAD SARJI HASILKAN  
ENSIKLOPEDIA P. RAMLEE

*Mingguan Malaysia, 22/8/1999*

“Sanjungan ke atas Seniman Agung, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee diteruskan dengan terhasilnya sebuah ensiklopedia *P. Ramlee: Erti Yang Sakti* yang disusun oleh Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Menurut Ahmad Sarji, buku tersebut mengambil masa lebih kurang setahun untuk disusun sebelum diberikan kepada Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd, untuk diterbitkan.

“Saya mengambil masa lebih kurang setahun untuk menyiapkannya kerana ia memerlukan kajian dan penyelidikan terperinci dan teliti,” katanya kepada pemberita sejeurus selepas melancarkan buku berkenaan di sini malam ini.

Pelancaran buku ini dilakukan oleh Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah di Kuala Lumpur Golf & Country Club, Bukit Kiara di sini.


Buku setebal 400 muka surat itu mengandungi fakta penglibatan Allahyarham dalam dunia seni dan latar belakang hidupnya sebelum berjaya mencipta nama sebagai seniman.

Ahmad Sarji berkata, “Masalah utama ialah ketepatan fakta kerana sebuah ensiklopedia memerlukan fakta sahih dan jelas agar maklumat yang ingin disampaikan tidak mengelirukan pembaca.”

“Saya tidak membuat sebarang temuramah kerana ia akan memberikan maklumat yang berbeza kerana sumbernya yang terdiri daripada pelbagai orang,” tambahnya.”

# P. RAMLEE

## The Bright Star



JAMES HARDING  
AHMAD SARJI

### P. RAMLEE: THE BRIGHT STAR

#### James Harding & Ahmad Sarji

P. Ramlee was the quintessential Malay entertainer par excellence, the Malay Noël Coward, if you like—actor, composer, singer, film-maker.

In his own lifetime, P. Ramlee created a myth of what a boy unschooled in music and in the performing arts could attain. For the world, he became a symbol of the eternal genius of music, acting and directing.

Despite the heights and brilliance he had attained on the screen and in the music world, he remained a humble person. He has a luminous quality—a combination of brilliant acting, melodious singing, radiance—to set him apart, and yet make everyone wish to be like him.

Why another P. Ramlee? One might just as well ask why there are so many volumes dedicated to Shakespeare or indeed, any pre-eminent figure in any given field. Despite the large number of accounts, there is always something new to be said about Chaplin or Shakespeare. The same is true for P. Ramlee.

This is an essential biography offering a wealth of information about P. Ramlee, the man and his work. He is, after all, one of the glories of a cultural heritage which deserves to be far better known in Europe, and, indeed, throughout the whole world.

## P. RAMLEE YANG SAYA KENAL


Yusnor Ef

Allahyarham Seniman Lagenda P. Ramlee merupakan insan seni sejati yang banyak mencurahkan keringatnya melahirkan khazanah seni negara yang tidak terbilang nilainya. Keajaban sentuhan seninya memartabatkan beliau seorang tokoh seni serta boloh—penyanyi, penulis lagu, pelakon dan pengarah terbilang yang tidak mungkin dicari-ganti. Namun P. Ramlee juga manusia biasa seperti kita, bak kata Dato' Jins Shamsudin, "P. Ramlee adalah manusia biasa yang luar biasa". Layar hidupnya turut bersauhkan semangat jati dan keimanan mengongkah arus kehidupan yang ada masanya tenang dan kadangkala bergelora.

Buku ini menyorot kisah dan pengalaman peribadi Yusnor Ef sebagai seorang murid didikan seniman P. Ramlee. Setiap kisah menjiwai keinsanan manusia yang kita panggil P. Ramlee yang turut merasai tangis tawa, sedih hiba dan perasaan yang sama dirasai setiap insan ciptaan Allah swt. Ia melihat P. Ramlee yang ada dalam setiap diri kita.

Buku ini karya pengamatan peribadi buat bacaan segenap lapisan masyarakat, lebih-lebih lagi penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi, khususnya dalam bidang muzik dan perfileman. Ia juga bahan kajian dan rujukan kisah hidup P. Ramlee yang menceritakan "Siapakah P. Ramlee itu sebenarnya, bukan dari sudut muzik dan filem, tetapi P. Ramlee yang dikenali sebagai guru, sahabat, teman dan penghibur".

*P. Ramlee Yang Saya Kenal* memuatkan cerita-cerita ikhtibar dan tauladan yang bernusur lucu, serius dan dakwah; di samping mentuh cara pembentukan peribadi insan yang sabar, sensitif, tegas dan penyayang serta pembimbing dan pembantu.



# P. RAMLEE YANG SAYA KENAL

YUSNOR EF

PELANDUK



  
**UNIVERSITY  
OF MALAYA**  
The Leader in Research & Innovation  
University of Malaya Library  
[www.umlib.um.edu.my](http://www.umlib.um.edu.my)

**PERPUSTAKAAN**